

M 702257

10 MAY 1994
Perpustakaan Negara

BUKU-BUKU SEDANG DALAM CETAKAN

- | | |
|--|---------------|
| 1. Parti PAS dengan Konsep Tahaluf Suyasinya | 983-9657-48-8 |
| 2. Perisytiharan KOD ETIKA DI RAJA | 983-9657-58-4 |
| 3. Takhta Kekal Di Tangan Rakyat | 983-9657-53-4 |
| 4. Sultan Kelantan Hero | 983-9657-23-2 |
| 5. PAS dengan UMNO | 983-9657-46-1 |
| 6. Laporan Muktamar PAS ke 37 | 983-9657-51-8 |
| 7. KAFIR sebab Perlembagaan | 983-9657-40-9 |
| 8. Quo Vadis Wawasan 2020 | 983-9657-50-x |
| 9. Hukum Hudud di Malaysia | 983-9657-41-0 |
| 10. FITNAH dalam POLITIK | 983-9657-45-3 |

MEDIA CENDIAKAWAN SDN BHD
4TH FLOOR, EAST ASIA BUILDING,
23 JALAN TUN PERAK
50050 KUALA LUMPUR - MALAYSIA
TEL:(03) 2388022 (5Lines)* FAX:(603)2388007

**PAS DENGAN KONSEP
TAHALUF-NYA**

Isi Kandungan

Pendahuluan	i
-------------	---

BAHAGIAN PERTAMA

1. Camporan Bukan Mustahil	1
2. Rundingan Di Switzerland	2
3. Penjelasan Awal	4
4. Kerajaan Camporan Dari Segi Hukum Sahar	8
5. Masalah Kerajaan Camporan Adalah HARUS	11
6. Kaedah-kaedah Usul Fikah Yang diJadikan Panduan	17

BAHAGIAN KEDUA

7. Kerajaan Camporan Perikatan-PAS Di Malaysia adalah HARUS	20
8. Garis-garis Panduan Dasar Dikemukakan oleh PAS	23
9. Butir-butir Persetujuan Bersama	25
10. Ghafar dan Bakar Hamzah	27
11. Perlembagaan Dan Peraturan Barisan Nasional 1973	29

BAHAGIAN KETIGA

12. Perisytiharan Persefahaman NASMA, PAS, PSRM dan SDP bagi Menghadapi Pilihanraya Umum 1986	36
13. PAS - CCC, emo of Understanding	43
14. PAS Kelantan Tewas Kerana ISU CCC	48
15. Ulama Akui CCC Tikam PAS	50
16. CCC Akhirnya Diluluskan	52
17. CCC Sokong PAS Tegak Negara Islam	55

BAHAGIAN KEEMPAT

18. PAS Dan Arah Perpaduan Ummah	57
19. PAS Dan Tahaluf	63
20. Konsep Tahaluf - Hadi Awang	
21. Nik Aziz dan PAS Kelantan mengenai Tahaluf	77

BAHAGIAN KELIMA

22. Abu Bakar Hamzah dan Sahifah Madinah (Piagam Madinah)	85
23. The Constitution of Medina (Terjemahan Sahifah Madinah) Ke Dalam Bahasa Inggeris	99

PENUTUP	105
---------	-----

PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَقُلْ رَبِّ أَدْخِلْنِيْ مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِيْ مَخْرَجَ صِدْقٍ وَأَجْعَلْ لِيْ مِنْ لَدُنْكَ سُلْطٰنًا نَّصِيْرًا ﴿٨٠﴾

Alhamdulillah, syukur kepada Allah atas segala nikmat dan limpah kurniaNya. Dengan hidayat serata taufik Nya risalah "*Parti PAS dengan Konsep Tahaluf Siyasinya*" dapat diterbitkan dalam bentuk buku seperti yang sama-sama kita saksikan sekarang. Seterusnya isi kandungan risalah ini ialah kumpulan dari bahan-bahan lama yang sudahpun tersiar. Semoga risalah yang amat sederhana ini boleh juga menjadi bahan renungan.

Sekian.

Wasalam.

ABU BAKAR HAMZAH.

Jumaat 3.7.1992.

Jika tak rugikan mana2 pihak - PAS
**CHAMPORAN 'BUKAN
MUSTAHIL'**

PAS menganggap soal Kerajaan champoran di Kelantan bukanlah "mustahil" jika di-majukan dengan cara yang tidak merugikan mana-mana pihak.

"Ini menimbangkan kepentingan negara sekarang" kata Setiausaha Agung PAS, Ustaz Abu Bakar Hamzah, hari ini.

Kata-nya lagi: "Tetapi satakat ini tidak ada sa-suatu yang rasmi yang boleh di-sifatkan sa-bagai bersungguh2."



USTAZ ABU BAKAR

Utusan Malaysia - 1 Mei 1972
Muka 2

CAMPURAN: RUNDINGAN MUNGKIN DI SWITZERLAND BAKAR HAMZAH PAS

Oleh Sirajuddin Rafia

KUALA LUMPUR 3 September - Satu rundingan tidak rasmi mengenai pembentukan kerajaan campuran di antara PAS dan Perikatan mungkin akan diadakan di Switzerland pada penghujung bulan ini.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak yang akan berada di Switzerland pada masa itu dijangka akan mewakili Perikatan dalam rundingan tersebut.

Manakala pihak PAS pula akan diwakili oleh setiausaha agungnya, Senator Abu Bakar Hamzah yang juga akan berada di sana pada masa yang sama.

Bagaimanapun Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Mohd Asri yang juga berada di luar negeri pada masa itu tidak mungkin akan menyertai rundingan tersebut.

Punca-punca yang layak dipercayai berkata hari ini bahawa rundingan tersebut bagaimanapun hanya merupakan satu perbincangan tidak rasmi sahaja.

Ianya semata-mata bertujuan untuk bertukar-tukar pendapat bagi mengetahui dengan lebih dekat lagi tentang kehendak-kehendak satu sama lain.

Rundingan itu juga adalah sebagai langkah permulaan dan persediaan bagi mengadakan satu rundingan rasmi di Kuala



Senator Abu BAKAR Hamzah

Lumpur sekembalinya mereka ke tanahair nanti.

“Hanya rundingan itulah yang akan menghasilkan keputusan-keputusan muktamad mengenai pembentukan kerajaan campuran.”

Utusan Malaysia - Isnin, 4 September 1972

Muka 1

PENJELASAN TERHADAP BEBERAPA PERTANYAAN TENTANG "KERAJAAN CAMPURAN"

PERBEZAAN POKOK

Ada beberapa takrif di dalam berbagai buku ilmu "Political Science" berkenaan apa dia yang dikatakan "Kerajaan Campuran" (Coalition Government). Apa yang patut difahami ialah perbezaan pokok di antara tiga istilah yang seakan-akan serupa tetapi berlainan hakikat, iaitu:-

- (1) Campuran (Coalition)
- (2) Percantuman (Merger), dan
- (3) Perikatan (Alliance).

Ketiga-tiga istilah tersebut menunjukkan tiga hakikat yang berlainan, oleh itu hendaknya tidaklah ada percubaan yang tidak sihat untuk mencampur-adukkan tiga hakikat yang berlainan itu.

TAKRIF "KERAJAAN CAMPURAN"

Dalam membentuk satu-satu takrif, biasanya ada dua cara:-

- (a) memakai mana-mana takrif yang sedia ada, kemudian kita bawakan sesuatu masalah lalu memperseuainya dengan takrif tersebut; dan
- (b) menentukan syarat-masyrut dan butir-butir asas kandungan satu-satu masalah, kemudian baharulah dibentuk satu takrif.

Saya sendiri memilih cara yang kedua kerana hal ini adalah benar-benar menggambarkan perkara-perkara yang benar berlaku hasil daripada perundingan di antara kita (PAS) dan mereka (PERIKATAN).

Berdasarkan syarat-masyrut yang dipersetujui bersama sebagai "persetujuan awal" maka takrif "Kerajaan Campuran Perikatan dengan PAS" bolehlah disebut seperti berikut:-

"Kerajaan Campuran Perikatan - PAS ialah sebuah Kerajaan yang dibentuk bersama oleh pihak Perikatan dengan

pihak PAS, dengan tidak terpaksa, di atas suatu persamaancara yang tertentu, disuatu tempat yang tertentu bagi suatu jangka-masa yang tertentu, dengan syarat-masyrut yang tertentu, dalam mana masing-masing partai yang berkenaan tetap diakui memiliki kedaulatan dan keperibadiannya sebagai sebuah partai politik yang halal dan bebas serta bersendirian."

Huraian Kepada Takrif

Takrif tadi, jika dihuraikan satu-persatu, maka ianya bolehlah dibahagikan menjadi seperti berikut:-

(1) *"Kerajaan Campuran"*

dari segi undang-undang, ianya bukan "Kerajaan PAS" bukan "Kerajaan Perikatan", tetapi ianya akan dinamakan menurut tempat, misalnya:-

- | | |
|--------------------------|-------------------------|
| (a) Kerajaan Kelantan; | (d) Kerajaan Malaysia |
| (b) Kerajaan Terengganu; | (e) Kerajaan Pusat; dan |
| (c) Kerajaan Kedah; | (f) Kerajaan Negeri. |

Perkataan "Kerajaan Pusat" (Central Government) dan perkataan "Kerajaan Negeri" (State Government) adalah diguna untuk membezakan hak dan kuasa tiap-tiap satu peringkat di antara peringkat "Persekutuan" (Federal) dengan peringkat di antara peringkat "Negeri" (State).

(2) *"dibentuk bersama"*

ertinya, walaupun PAS tidak menang di dalam pilihanraya sekira-kira cukup untuk membentuk Kerajaan, namun PAS diakui dan diberi hak untuk turut berkuasa di dalam Kerajaan atau Kerajaan-kerajaan yang berkenaan.

(3) *"dengan tidak terpaksa"*

ini bererti bahawa Perikatan bukanlah tidak boleh memerintah tanpa mengajak PAS turut serta, dan begitu pulalah

PAS – iaitu ianya bukanlah dipaksa atau terpaksa – PAS memilih dengan bebas dan waras bagi masalah Umat Islam amnya dan untuk PAS khususnya.

(4) *"Persamaan cara yang tertentu"*

– ini adalah menurut Undang-undang Tubuh PAS sendiri berdasarkan Kitab Allah dan Sunnah Rasul. Sila lihat Fasal 3(5) dalam Undang-undang Tubuh PAS, 1963 dan juga menurut fasal 2(3) ceraihan (6) dalam Undang-undang Tubuh PAS yang baru, tahun 1971 – 72 sekarang. Persamaan – cara seperti ini ada tersebut di dalam Kitab Al-Quraan yang berbunyi:

تَعَالَوْا إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا

Surah Aali – Imran: 64

(5) *"disuatu tempat yang tertentu"*

– ertinya termasuklah di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, di peringkat Pusat atau di mana-mana negeri yang dipersetujui bersama.

(6) *"jangka masa yang tertentu"*

ertinya tidaklah meliwati tempoh yang termaktub di dalam perlembagaan negara menurut kemungkinan-kemungkinan dari apa yang sah dari segi undang-undang, misalnya hinggalah kepada akhir tahun 1975.

(7) *"syarat – masyrut"*

oleh kerana 'campuran' ini di lakukan bukan dengan terpaksa maka tentulah mesti ada syarat-syarat yang tertentu, dan *ibu segala syarat* yang kita berpegang ialah bahawa apa jua perkara berlaku janganlah sampai *mengorbankan dasar PAS*. Maka silalah lihat syarat-syarat yang dibentangkan kepada para perwakilan kongres pada 21hb. Ogos, 1972 besok. Walau bagaimanapun, dari segi prinsip dan konsep perjuangan, syarat – masyrut yang terbesar ialah:–

(a) PAS tetap PAS;

- (b) mesti ada pengakuan mahu menjalankan Islam walau dengan apa kadar dan cara sekali pun menurut perlembagaan negara;
- (c) pihak PAS bebas menentang apa-apa jua yang berlawanan dengan ajaran dan hukum Islam;
- (d) PAS berhak menarik diri pada bila-bila masa pun; dan
- (e) PAS sudah tentu akan mengemukakan struktur-struktur dan sistem-sistem Islam ke dalam pemerintahan.

(8) *"kedaulatan dan keperibadian"*

– Ini adalah untuk menerangkan bahawa PAS bukanlah menjadi sebahagian daripada PERIKATAN; ini bererti PAS bukanlah seperti UMNO iaitu *UMNO adalah suatu UNIT* di dalam partai PERIKATAN (Alliance). Kalaulah sudah difahami perbezaan pokok di antara tiga istilah – “Coalition,” “Merger” dan “Alliance” maka sudah tentu tidaklah timbul apa-apa pun keraguan, kesamaran, kemusykilan, dan sangkaan.

KERAJAAN CAMPURAN DARI SEGI HUKUM SYARA' ISLAM

Sebelum kita tempuh segi Hukum Syara', ada baiknya kita mengingati semula apa dia keputusan kongres PAS yang ke Lapan belas (Kongres: 18) yang berlangsung pada 28 dan 29hb. July, 1972. Keputusan Kongres itu berbunyi:-

".....bersetuju memberi mandat kepada Jawatankuasa Agung mengadakan perundingan mengenai penubuhan kerajaan campuran disemua peringkat dengan syarat tidak mengorbankan prinsip-prinsip PAS, dan mengemukakan hasil perundingan itu kepada satu mesyuarat agung.

Keputusan dan hukum syara'

Para perwakilan kongres - 18 telah memberi izin dan kuasa untuk berunding berkenaan perkara 'Campuran' (Coalition). Kalaulah kerajaan campuran seperti itu adalah 'haram' pada sisi Hukum Syara' maka tentulah 'haram' pula kita memberi izin untuk berunding dengan niat hendak menubuhkan perkara yang haram itu

Kaedah usul Fiqah berkata:

ما حرم فعله حرم طالبه

Ertinya: 'Apa yang diharamkan membuatnya adalah di haramkan memintanya'.

Dan juga:

ما حرم أخذه حرم إعطاؤه

Ertinya: 'Apa yang diharamkan mengambilnya adalah juga diharamkan memberinya'.

Para perwakilan Kongres PAS ke 18 itu telah faham dan sedar apa yang telah mereka sendiri lakukan kerana mereka adalah 'aqil baligh', faham dan menjadi para 'Ahli Syura'

أهل الشورى di dalam Kongres tersebut, dan mereka adalah bertanggungjawab penuh dengan segala keikhlasan.

Tegasnya, saya yakin bahawa para perwakilan Kongres PAS ke 18 bulan Julai 1972 itu tentulah percaya bahawa masalah *Kerajaan Campuran* yang di hadapan kita ini **HARUS** Jaiz **جانز** dan Mubah **مباح** pada sisi Hukum Syara'; cuma bukanlah tiap-tiap perkara yang **HARUS** itu **MESTI** dibuat dan itulah sebabnya maka Kongres PAS itu telah memberi dua syarat terbesar:-

- (1) tidak mengorbankan prinsip PAS; dan
- (2) mengemukakan hasil perundingan kepada Kongres.

Saya menegaskan bahawa kalau perkataan itu **HARAM** maka perundingan pun tentulah dilarang dan hasil perundingan kelak tentulah juga **HARAM** kerana sesuatu yang terbit dari satu hakikat yang haram biasanya adalah haram.

PENDAPAT PARA ULAMA'

Di dalam sidang Kongres PAS ke 18 pada bulan Julai. 1972 dahulu memang ada perwakilan Dewan Ulama' PAS berkata: "jika perkara campuran ini haram pada asalnya lagi **حرام أضلا** maka tentulah mereka tidak berdiam diri."

Setakat yang saya faham - **والله أعلم بالصواب** - Tahun jualah yang Maha mengetahui apa yang sebenar-benarnya] bahawa kalau tidak ada dalil Nas - **نص** daripada Kitab Allah dan Sunnah Rasul maka hendaklah kita berpegang kepada Usul Fiqh **أصول الفقه** dan di antaranya ada yang berkata: "Asal hukum mengenai segala perkara itu adalah **HARUS** sehinggalah ada dalil yang menunjukkan pengharaman".

الأصل في الأشياء الإباحة
حتى يدل الدليل على التحريم

Ertinya: Semua perkara, yang pada asalnya, adalah **HARUS** sehinggalah ada dalil yang menunjukkan **PENG-HARAMAN**.

- Kaedah ini memandu kita supaya tidak berdasarkan ' [sentiment], tuduhan tak berasas, terutama perbandingan-perbandingan yang tidak logik dan tidak diterima oleh ilmu Usul Fiqh. Hal ini amatlah mustahak kerana dari perkara-perkara seperti itulah selalunya timbul prasangka, ketelanjangan dan tindak tanduk yang tidak dikehendaki di dalam perjuangan.

MASALAH KERAJAAN CAMPURAN ADALAH HARUS PADA HUKUM SYARA'

Apabila tidak ada nas-nas qat'ie قطعي yang menghukumkan *haram* dan di samping itu terdapat pula nas-nas Quraan yang menggambarkan *pengharusan* bagi saya adalah terang, tegas dan nyata bahawa masalah ini *harus* dan terpulangnya kepada umat Islam (PAS) samaada hendak menerima atau menolak. Saya sendiri *menerima* dengan penuh kesedaran dan pengertian – saya tidak dipengaruhi oleh sesiapa, dan tidak terpengaruh dengan sebarang apa. Apa yang ada pada diri saya dan kalbu saya ialah untuk *Masalah Umum* مصلحة عامة bagi umat Islam di negeri ini.

NAS-NAS YANG MEMBERI PERINGATAN:

Saya juga bertemu dengan beberapa nas yang memberi panduan dan ingatan kepada umat Islam supaya mereka *jangan terpedaya* dan tertipu, dan terlanjur – tetapi nas-nas tersebut adalah ظني belaka yang dipakai kepada waqi'ah-waqi'ah واقعة atau perkara yang boleh dijadikan 'Asas Perbandingan' أساس القياس terhadap perkara-perkara baharu yang tidak ada nas khusus baginya.

NAS-NAS YANG MENGGAMBARAKAN PENGHARUSAN

Di antara dalil-dalil [nas-nas نص yang menggambarkan "pengharusan" Jawaz - جواز masalah ini ialah firman-firman Tuhan seperti berikut :-

(1) *Kerana menjalankan dakwah Islam*

- (a) أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عُرْسِيْلِهِ وَهُوَ
أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Ertinya: Serukanlah ke jalan Tuhanmu dengan bijaksana dan nasihat yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih Mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih Mengetahui akan orang-orang yang terpimpin.

(b) وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَ
اللهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ

Surah Al-Taubah: 6

Ertinya: Dan jika salah seorang dari Mushrikin itu meminta keamanan padamu maka berikanlah keamanan kepadanya supaya ia mendengar perkataan Allah, kemudian sampaikanlah dia ke tempat amanannya. Yang demikian ialah kerana mereka itu adalah kaum yang tidak tahu.

(c) وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ الْقُرَى حَتَّى يَبْعَثَ فِي أُمِّهَا رَسُولًا يَتْلُوا
عَلَيْهِمْ آيَاتِنَا وَمَا كُنَّا مُهْلِكِي الْقُرَى إِلَّا وَأَهْلِهَا ظَالِمُونَ

Ertinya: Dan tidaklah Tuhanmu membinasakan negeri-negeri hingga dia utus di ibukotanya seorang Rasul yang membacakan kepada mereka ayat-ayat kami; dan tidaklah kami membinasakan negeri-negeri kecuali ahli-ahlinya orang-orang yang zalim.

(2) Persamaan-cara Menuju ke Tuhanan

(a) قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ
إِلَّا اللهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ
اللهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ.

Ertinya: Katakanlah: "Hai Ahli Kitab, marilah kepada kalimat yang adil antara kami dan kamu; iaitu janganlah kita menyembah melainkan Allah dan janganlah kita menyekutukan sesuatu dengan Dia, dan janganlah sebahagian dari kita menjadikan sebahagian sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah." Jika mereka berpaling belakang, hendaklah kamu berkata "saksikanlah bahawa sesungguhnya kami ini orang-orang Islam."

- (b)
$$\text{وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَفِدِمْتُ صَوْمِعُ وَبِعِغُ
وَصَلَوْتُ وَمَسْجِدُ يُذَكِّرُ فِيهَا أَسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ
يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ$$

Surah Al-Haj: 40

Ertinya: dan sekiranya tidak Allah melindungi manusia sebahagian dari mereka dengan sebahagiannya nescaya dirobuhkanlah tempat-tempat pertapaan dan gereja-gereja Keristian dan tempat-tempat sembahayang Yahudi dan masjid-masjid yang banyak di sebut nama Allah padanya; dan sesungguhnya Allah menolong sesiapa yang menolongnya kerana sesungguhnya Allah itu Maha Gagah lagi Perkasa.

(3) *Kerana Tidak Menghukum Perkara-perkara di Dalam Dada yang Hanya Terserah kepada Allah Rabbul-Alamin:*

(a)

$$\text{يَأْتِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا ضَرَبْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَتَيَبُّوْا وَلَا تَقُولُوا
لِمَنْ أَلْقَى إِلَيْكُمُ السَّلْمُ لَسْتَ مُؤْمِنًا$$

Surah An-Nissa: 94

Ertinya: Hai orang-orang yang beriman! Apabila kamu pergi berjuang pada jalan Allah, hendaklah kamu yakinkan, dan janganlah kamu berkata kepada orang yang memberi salam kepada kamu: "Engkau bukan Mu'min."

- (b) مَنِ اهْتَدَىٰ فَإِنَّا يهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّا بَصُلُ عَلَيْهَا
وَلَا نَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ تَبْعَثَ رَسُولًا

Surah Aali Imran : 15

Ertinya: Barang siapa dapat pertunjuk maka sesungguhnya hanya ia dapat pertunjuk untuk dirinya dan barang siapa sesat maka sesungguhnya ia sesat bagi dirinya kerana tidaklah ditanggung oleh seorang penanggung akan tanggungan orang lain, dan tidaklah kami mengazabkan sehingga kami utuskan seorang Rasul.

- (c) إِنَّ عِبَادِي لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَنٌ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلًا

Ertinya: Sesungguhnya hamba-hambaku, tidak ada bagimu kekuasaan dan memadai Tuhanmu sebagai Pelindung

(4) Kerana Menolak Keburukan:

- (a) لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَاةً وَيُخَذَرِكُمْ اللَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ

Surah Aali Imran : 28

Ertinya: [Janganlah Mu'minin mengambil Kafirin sebagai sahabat-sahabat lebih daripada mukminin dan barang siapa berbuat begitu maka tidaklah ia – mendapat penjagaan – daripada Allah di sesuatu apapun; tetapi hendaklah kamu menjaga diri dari mereka dengan suatu penjagaan dan Allah mengancam kamu – dengan siksaan – darinya sendiri, dan kepada Allah jualah tempat kembali (kamu).]

(b) يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا
وَإِنِّي سَبِيلُهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Surah Al-Maidah : 35

Ertinya: [Hai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepadanya, dan hendaklah kamu berjuang bersungguh-sungguh pada jalanNya supaya kamu dapat kejayaan.]

(5) *Membuktikan Kebaikan Dasar KEAMANAN DALAM ISLAM*

(a) وَإِن جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ نَهْوُ
السَّمِيعِ الْعَلِيمِ

Surah Al-Anfal : 61

Ertinya: [Dan jika mereka condong kepada pendamaian maka hendaklah engkau juga condong kepadanya, dan bertawakkallah kepada Allah kerana sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Mengetahui.]

(b) لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُمْ
مِّن دِينِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Surah Al-Mumtahinah : 8

Ertinya: Orang-orang yang tidak memerangi kamu dalam urusan agama dan tidak mengusir kamu keluar dari kampung-kampung kamu, Allah tidaklah melarang kamu berbuat kebaikan kepada mereka dan berlaku adil kepada mereka kerana sesungguhnya Allah sayang kepada orang-orang yang berlaku adil.

(6) *Membuktikan Dasar-dasar Perjanjian di Dalam Islam*

(a) وَإِنْ أَسْتَضَرُّوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ النَّصْرُ إِلَّا عَلَى قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Surah Al-Anfal : 72

Ertinya: Dan jika mereka meminta tolong kepadamu dalam urusan agama maka wajiblah kamu menolong mereka melainkan terhadap kamu yang antara kamu dan mereka ada perjanjian, kerana Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan.

(b) وَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ

Surah An-Nisaa : 90

Ertinya: orang-orang yang sampai kepada mereka satu kaum yang antara kamu dan mereka itu ada perjanjian

(7) *Kerana Berusaha Menyuru ke Arah Islam dengan Tidak PUTUS ASA*

(a) عَسَى اللَّهُ أَنْ يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ الَّذِينَ عَادَيْتُمْ مِنْهُمْ مَوْدَةً وَاللَّهُ قَدِيرٌ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Surah

Ertinya: [Mudah-mudahan Allah jadikan perasaan kasih-sayang antara kamu dan orang-orang yang kamu bermusuhi dari mereka itu, kerana Allah itu Amat Berkuasa dan Allah itu Maha Pengampun lagi Penyayang.]

KAEDAH-KAEDAH USUL FIQH YANG DIJADIKAN PANDUAN DAN INGATAN

Di antara kaedah-kaedah Usul Fiqh yang dijadikan panduan dan ingatan untuk berjaga-jaga ialah:-

1. الأصل في الأشياء الإباحة، حتى يدل الدليل على التحريم

Ertinya:

'Asal hukum dalam semua perkara ialah HARUS sehingga ada dalil yang menunjukkan PENGHARAMAN'

2. البينة ١٦٧٦ للمدعي ١٧٤٣ واليمين ١٧٤٣ على من أنكر

Ertinya:

'Keterangan di atas orang yang mendakwa, dan sumpah oleh orang-orang yang menafikan'.

3. المتعدى أفضل من القاصر

Ertinya:

'Yang positif lebih baik dari yang negatif'.

4. يختار أهون الشرين

Ertinya:

'Dipilih yang mana lebih ringan dari antara dua keburukan'.

5. الضرر يدفع بقدر الامكان

Ertinya:

'Bahaya itu ditolak sedaya terdapat'.

6. الضرورات تقدر بقدرها

Ertinya:

'Kecemasan itu dinilai mengikut kadarnya'.

7. لا يترك تغير الاحكام ١٧٨٦ بتغير الازمان

Ertinya:

'Tidaklah dibantah perubahan hukum dengan adanya perubahan zaman'.

8. لا عبرة للتوهم
 Ertinya: 'Tidak ada panduan dipegang dalam syak dan waham'.
9. النعمة بقدر النعمة والنعمة بقدر النعمة
 Ertinya: 'Nikmat sekadar bencana, dan bencana, se-kadar nikmat.'
10. لا حجة مع الاحتمال الناشء عن دليل
 Ertinya: 'Tidak perlu hujjah di samping kemungkinan yang timbul dengan dalil'.
11. اليقين لا يزول بالشك
 Ertinya: 'Keyakinan tidak terhapus dengan syak sang-kaan.'
12. التصرف على الرعية منوط بالمصلحة
 Ertinya: Mengurus terhadap orang ramai hendaklah berkisar di atas kepentingan (mereka)
13. العبرة في العقود ١٠٣ للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني
 Ertinya: 'Kesimpulan yang dipegang dalam perjanjian ialah untuk tujuan dan erti tetapi bukan untuk sebutan dan bentuk kata.'
14. ما ثبت على خلاف القياس فغيره عليه لا يقاس
 Ertinya: 'Sesuatu yang tegak di atas dasar menyalahi perbandingan maka tidak dibuat perban-dingan sesuatu di atasnya.'
15. الاجتهاد لا ينقض بمثله
 Ertinya: 'Ijtihad tidaklah dibatalkan dengan Ijtihad juga.'
- Kaedah الأصل في الأشياء الاباحة، حتى يدل الدليل على التحريم

Saya sendiri telah turut berusaha sekadar daya upaya saya [والله أعلم بالصواب] tetapi belum bertemu dengan nas نص yang mengharamkan, samaada nas-nas قطعى mahupun nas-nas ظنى dan oleh kerana para Ulama' PAS belum memberi kata pemutus 'HARAM' maka saya kembali berpegang dengan kaedah tadi الأصل فى الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم dan dengan demikian maka masalah "kerajaan campuran" PERIKATAN - PAS di Malaysia Barat pada masa ini adalah harus dan memandang kepada Masalih Mursalah مصالح مرسله maka ianya sewajarnya di terima dengan baik.

**KERAJAAN CAMPURAN PERIKATAN – PAS
DI MALAYSIA ADALAH HARUS جائز
PADA HUKUM SYARA' UGAMA ISLAM**

Setelah mengkaji sehalus-halus sekadar yang terdaya akan nas-nas Quraan, nas-nas Sunnah Rasul, dan *aqwal Fuqaha* أقوال الفقهاء, di antaranya dari kitab *Tafsir Ibn Kathir* ابن كثير, kitab *Al-Umm* الأم, kitab *Siasah Syari'ah* olih Ibnu Taimiyah ابن تيمية, kitab *Turuq Hukmiah* الطرق الحكيمية olih Ibn Qaiyim ابن القيم, kitab *Ashbah Wan-Nadza-ir* الأشباه والنظائر olih Imam Sayuti في ظلال القرآن dan kitab *Tafsir Fi Dzilal el-Quran* سيوطي olih Syed Qutub سيد قطب, maka saya menegaskan والله أعلم بالصواب pendapat saya:-

1. Memandang betapa perlunya Umat Islam di negeri ini bangun berjuang di dalam politik untuk mendapat kekuasaan;
2. Memikirkan kesanggupan Umat Islam yang belum menjadi pihak berkuasa [As-hab el-Syaukah أصحاب الشوكة] maka mereka memilih perjuangan cara perlembagaan menurut undang-undang negeri;
3. Olih kerana PAS sendiri menerima pilihanraya ala Barat yang dianjurkan oleh Kerajaan أصحاب الشوكة ;
4. Olih kerana PAS ta'at setia dan menghormati Perlembagaan Negara dengan mematuhi perintah "Pengharaman kalimat Allah – Mohamad" الله - محمد dan "Bulan-Bintang" partainya;
5. Olih kerana ahli-ahli PAS yang berjaya di dalam pilihanraya juga turut mengangkat sumpah di dalam Majlis-majlis Undangan, menurut undang-undang negeri;
6. Olih kerana Malaysia merupakan sebuah Negara yang ugama rasminya ialah Islam – walau apa jua pun tafsirannya;
7. Memandang bahawa perjuangan politik secara Ideology Islam di negeri ini adalah HALAL pada sisi Undang-undang Negeri dan ianya WAJIB pada sisi Syari'at Islam;

8. Oleh kerana Kepala Negara bagi Malaysia mestilah dipilih dari antara Raja-raja Melayu semuanya *MUSLIM* belaka;
9. Oleh kerana Raja-raja Melayu adalah *As-hab el-Syaukah أصحاب الشوكة* bagi urusan-urusan ugama dan Majlis Undang tidak berhak masuk campuran secara langsung ke dalam urusan-urusan tersebut;
10. Oleh kerana Kepala Negara adalah kuasa melantik Hakim-hakim, Juri-juri dan Suruhanjaya-suruhanjaya bebas;
11. Oleh kerana Kepala Negara adalah kuasa tertinggi di dalam masa keadaan dharurat;
12. Oleh kerana Kelapa Negara adalah Ketua segala Angkatan Tentera bagi negeri ini;
13. Oleh kerana ada bukti-bukti sejarah dan ilmiah bahawa Undang-undang asa bagi negeri ini ialah Undangan Islam dan Malaysia boleh isytiharkan sebagai sebuah "Negara Islam" walaupun kesemua hukum Islam berjalan pada masa ini;
14. Oleh kerana Kongres PAS ke 18 pada Julai, 1972 telah memberi izin dan mandat untuk berunding mengenai penubuhan Kerajaan Campuran di semua peringkat;
15. Oleh kerana Jawatankuasa Perunding PAS dan juga Jawatankuasa Agung PAS berpuas hati bahawa syarat-masyrut dalam masalah ini dapat membawa *Masalih-Mursalah مصالح مرسله* kepada umat Islam di negeri ini;
16. Oleh kerana PAS di akui haknya untuk memperjuangkan konsep Ideology Islam di dalam Kerajaan Campuran itu dari semasa ke semasa;
17. Oleh kerana PAS diberi "Kementerian" yang dikira boleh disalurkan konsep Islam melaluinya;
18. Oleh kerana PAS tetap diakui sebagai sebuah partai yang merdeka, dan bersendirian, dan bukan "juzuk" جزء atau "unit" di dalam partai yang berkuasa أصحاب الشوكة ;
19. Oleh kerana PAS dijamin haknya untuk menentang sebarang apa jua undang-undang atau cadangan yang berlawanan dengan Islam;

20. Olih kerana tidak ada nas *qat'ie قطعى* atau *dzanni dilalah ظنى الدلالة* yang cukup kuat dengan sepe-
nuhnya mengharamkan;
21. Olih kerana pucuk pimpinan dan Jawatankuasa Agung PAS yakin dan percaya bahawa masalah ini dapat dijadikan *wasilah وسيلة* untuk menolak bahaya *دفع ضرر*, untuk mengangkat kepayahan *رفع حرج*, dan untuk membawa faedah *جلب نفع* bagi Umat Islam ini;
22. Menimbang dan memikir serta memperhitungkan kesang-
gupan PAS dan suasana politik yang mengelilingi Umat Islam di negeri ini sekarang;

Maka saya, selaku SETIAUSAHA AGUNG PAS, berpendapat dan yakin untuk menegaskan bahawa masalah 'Kerajaan Campuran' yang di hadapan kita sekarang adalah *HARUS* *جائر* pada Hukum Syara' dan ianya sudah sewajarnya diterima oleh para perwakilan Kongres Khas pada 21hb. Disember, 1972 ini.

اللهم أرنا الحق حقاً وأرنا الباطل باطلا وارزقنا اجتنابه
إنك علام الغيوب نعم المولى ونعم النصير

Ertinya: Ya Tuhanku, tunjukkanlah kepada kami akan kebenaran dan berikanlah kepada rezeki menurutnya, dan tunjukkanlah jua kepalsuan itu tetap kepalsuan dan berikanlah rezki kepada kami untuk menjauhinya; sesungguhnya Engkau adalah Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan sebaik Pengawal dan sebaik Penolong.

Wassalaam.

ABU BAKAR HAMZAH

Kuala Lumpur

Rabu 20hb. Disember, 1972.

**GARIS-GARIS DASAR
YANG AKAN DIPERJUANGKAN OLIH PAS
MELALUI KERAJAAN CAMPURAN
MENGIKUT PERSETUJUAN YANG TELAH DICAPAI
OLIH KEDUA-DUA PIHAK**

1. PAS melalui kerajaan campuran PERIKATAN – PAS, berazam membentuk negara Malaysia ini menjadi sebuah negeri yang aman dan damai, yang harmonis, yang mempunyai nilai-nilai moral dan kerohanian, dengan demikian pembangunan rohani rakyat hendaklah digembelngkan bersamaan dengan usaha pembangunan lahir yang sedang berjalan dengan pesatnya sekarang sesuai dengan Islam sebagai Uqama Negara serta prinsip-prinsip Rukun Negara, maka nilai-nilai Ketuhanan akan menjadi teras dalam usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara.
2. Dalam menuju kesempurnaan prinsip itu maka PAS dengan kerajaan campuran yang diujudkan itu memberikan nilai-nilai Islam ke dalam perundangan dan perlembagaan negara.
3. PAS, dengan Kerajaan Campuran itu, bersama melaksanakan dasar ekonomi baru dengan bersungguh-sungguh, jujur dan tidak pilih kasih sehingga cita-cita mengujudkan perseimbangan sosial dan ekonomi dan yang berada dengan yang tidak berada di negara ini dan cita-cita melenyapkan kemiskinan di kalangan rakyat itu mencapai kejayaan yang cemerlang.
4. PAS dengan Kerajaan Campuran itu, berazam mengujudkan kebudayaan yang berteraskan kebudayaan Melayu yang tidak berlawanan dengan Islam dalam segala bidang.
5. PAS, dengan Kerajaan Campuran itu, berazam memelihara keselamatan negara dan menghapuskan sebarang ancaman baik dari dalam mau pun dari luar dan untuk ini pertahanan negara akan diperkembangkan dan di-

- perbesarkan sesuai dengan cita-cita untuk mengujudkan kemampuan nasional di bidang pertahanan.
6. PAS, dengan Kerajaan Campuran itu, berazam meneruskan dasar luar yang bebas dan aktif dan akan terus memperjuang konsep pengkecualian negara-negara Asia Tenggara bagi menjamin keamanan di rantau ini. Dan di samping itu akan berusaha mengeratkan lagi hubungan dengan negara-negara sahabat terutama negara-negara Islam.

PEJABAT AGUNG,
PERSATUAN ISLAM SE TANAH MELAYU [PAS],
300 - 6B JALAN PEKELILING,
KUALA LUMPUR.

20hb. Disember, 1972
14hb. Zulqa'dah, 1392

**BUTIR-BUTIR PERSETUJUAN YANG TELAH DICAPAI
DI DALAM PERUNDINGAN PAS – PERIKATAN
YANG AKAN DITANDATANGI OLIH KEDUA PIHAK
APABILA KERAJAAN CAMPURAN DIUJUDKAN.**

1. Sebuah kementerian akan diberikan kepada PAS, iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas khas yang akan bertanggungjawab dalam hal ehwal tanah, pembukaan dan kemajuannya, dan juga perkara-perkara yang lain yang akan ditentukan oleh Perdana Menteri dari satu masa ke satu masa.
2. Menteri yang tersebut di atas akan dilantik dengan persetujuan Raja-Raja menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.
3. Jawatan-jawatan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan sebagainya bolihlah dipenuhi setelah Menteri berkenaan berunding dan mendapat persetujuan Perdana Menteri.
4. Perdana Menteri akan menimbang calon-calon yang ditunjukkan oleh PAS bagi menjadi Anggota Dewan Negara bila ada kekosongan.
5. Perdana Menteri akan menimbang pemimpin-pemimpin PAS yang layak untuk menyertai rombongan rasmi ke luar negeri dan juga jawatan-jawatan perkhidmatan di luar negeri yang difikirkan sesuai perlu dan menasabah.
6. Kerajaan akan menimbang mana-mana ahli PAS yang di fikirkan sesuai untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa lembaga-lembaga, dan perbadanan-perbadanan bagi pertimbangan Perdana Menteri.
7. Dua orang Anggota Dewan Negeri Kelantan dari partai Perikatan yang ditunjukkan oleh partainya akan dilantik menjadi EXCO Negeri.
8. Dua orang Anggota Dewan-dewan Negeri-negeri Kedah dan Terengganu dari partai PAS di tiap-tiap negeri itu yang ditunjukkan oleh partainya akan dilantik menjadi ahli-ahli EXCO negerinya masing-masing

9. Selama Kerajaan Campuran Perikatan – PAS itu ujud hendaklah tiada ada sebarang pertandingan antara PAS dengan Perikatan di dalam pilihanraya kecil di dalam kawasan masing-masing kecuali kawasan di mana telah di menangi oleh partai yang lain maka perundingan hendaklah diadakan terlebih dahulu.
10. Begitu juga kawasan-kawasan pilihan raya yang dimenangi oleh PAS di dalam pilihan raya umum, 1969 yang kemudiannya ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan terhenti daripada menjadi ahli PAS, maka sekiranya berlaku pilihanraya kecil dalam kawasan pilihanraya tersebut, maka satu perundingan hendaklah diadakan; jika sebarang persetujuan tidak tercapai dalam perundingan itu maka pertandingan seperti biasa bolehlah diadakan.
11. Hendaklah tidak ada sebarang ikatan atau perjanjian untuk menghadapi sebarang pilihanraya umum yang akan datang. Segala sesuatu akan dibincangkan kelak apabila tiba waktunya.
12. Kebebasan anggota-anggota PAS dalam Kabinet Pusat, EXCO Negeri, Parlimen dan majlis Undangan Negeri untuk membangkang cadangan atau undang-undang yang berlawanan dengan Islam hendaklah terjamin.
13. Sebuah Jawatankuasa Penyelaras hendaklah ditubuhkan dengan anggota-anggota di antara PAS dengan Perikatan.

PEJABAT AGUNG,
 PERSATUAN ISLAM SE TANAH MELAYU [PAS],
 300 – 6B JALAN PEKELILING, KUALA LUMPUR.

20hb. Disember, 1972
 14hb. Zulqadha, 1392

GHAFAR DAN BAKAR HAMZAH AKAN BERBINCANG SETIAP MINGGU

Kuala Lumpur 2 Januari - Menteri Pembangunan Negeri dan Luar Negeri Encik Ghafar Baba akan mengadakan perbincangan tiap-tiap minggu dengan Setiausaha Parlimannya Senator Abu Bakar Hamzah dan Setiausaha Politiknya Encik Saadon Noh untuk menyelaraskan kerja-kerja kementeriannya.

Encik Ghafar menyatakan demikian ketika menerima Senator Abu Bakar Hamzah yang telah memulakan tugasnya hari ini.

Kata Encik Ghafar: "Saya kenal lama Senator Abu Bakar, walaupun kami dalam parti yang berlainan, tetapi mempunyai cita-cita yang sama untuk negara".

Bakar Hamzah Berdikari

Tugas Senator Abu Bakar sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negeri dan Luar Negeri tidak terbatas terutama menumpukan perhatian yang lebih berat untuk melaksanakan dasar ekonomi baru.

Tugas-tugasnya itu termasuk membawa lebih ramai bumiputra berkecimpung dalam bidang perdagangan dan perusahaan, mengaitkan kelas kemajuan masyarakat supaya lebih banyak latihan kerja dijalankan, memupuk semangat gotong-royong, berdikari dan rancangan kecil di luar bandar. "Dalam tugas-tugas yang berat itu, Senator Abu Bakar akan menolong saya terutama dari segi agama supaya semua rancangan pembangunan kementerian berjalan lancar", tegasnya.

Utusan Melayu - 3 Januari 1973



بکر حمزه
بردیکاری

توکس سیناتور ابو بکر سبکي
ستیو بیها فارلین گسترین
فبشون نگارا دان لوار
بندر، اتوق تریانس تراواتام
شومفون فرهاتین یغ لبه
یره اتوق منفسان داسر
ایکونومی بارو.

توکس؟ ایت ترماسوق مپاوا
لبه رامی بسومیترا
برکجیمفوع دالم بیدغ
فرداکن دان فراوسهان،
منکیانکن کلس کماجوان
مشارکه سفای لبه پابق
لاتیهن کرج دجالکن،
موفوق صماغه کوتسوخ
رویوغ، بردیکاری دان
رنجانن کجیل دلوار بندر.
"دالم توکس؟ یغ بسره ایت،
سیناتور ابو بکر اکن منولغ
سای تراواتام دری سکی اکام
سفای سسوا رنجاشن
فبشون گسترین برجالن
لنجر، تکس."



غفار دان
اکن برینچغ

ستیف میثگو
1973

کوالا لغفور ۲ جنواری ستر
فبشون نگارا دان لوار
بندر، ا. غفار سب اکن
مفادکن فرینچاشن سیف؟
میثگو دشن ستیوسها
فارلینن سیناتور ابو بکر
حمزه دان ستیوسها
فولیشکن، ا. سعدون نوح
اتوق میلارکن کرج؟
گسترین.

ا. غفار میثکن دمکن کنسک
منریما سیناتور ابو بکر
حمزه یغ تله مولاکن توکس
هاری این.

کات ا. غفار: "سای کنل لام
سیناتور ابو بکر، ولو فون
کامی دالم فارتم یغ برلینن،
تنانی مغربی جیتا؟ یغ
سام اتوق نگارا."

PERLEMBAGAAN DAN PERATURAN BARISAN NASIONAL MALAYSIA

1. NAMA

Nama gabungan ini ialah Barisan Nasional Malaysia (selepas ini di sebut "Barisan Nasional").

2. SIFAT PERTUBUHAN

Pertubuhan ini pada dasarnya bersifat konfederasi antara parti-parti politik yang mendokong konsep Barisan Nasional.

3. TAFSIRAN

Sebagaimana yang terpakai di dalam Perlembagaan ini

- (a) "Barisan Nasional" ertinya Barisan Nasional Malaysia.
- (b) "Parti anggota" ertinya sebarang parti yang menjadi anggota seperti yang tersebut dalam Fasal 5.
- (c) "Dewan Tertinggi" ertinya Majlis Tertinggi Barisan Nasional Malaysia.

4. TUJUAN

Tujuan-tujuan Barisan Nasional adalah seperti berikut:—

- (a) Memupuk dan mengekalkan satu negara Malaysia yang harmonis dan bersatupadu;
- (b) Berusaha untuk mencapai pembangunan jasmani dan ruhani dan mengekalkan Islam sebagai agama Persekutuan; tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana jua di dalam Persekutuan; dan untuk menegakkan dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara;
- (c) Berusaha untuk mewujudkan suatu masyarakat adil dan saksama.
- (d) Berusaha untuk mengiratkan lagi perhubungan di antara parti-parti anggota.

5. KEANGGOTAAN

Keanggotaan Barisan Nasional adalah terdiri daripada:-

- (a) Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO);
- (b) Pertubuhan Cina Se Malaysia (MCA);
- (c) Kongress India Se Malaysia (MIC);
- (d) Perikatan Sarawak;
- (e) Perikatan Sabah;
- (f) Parti Rakyat Bersatu Sarawak (Sarawak United People's Party);
- (g) Gerakan Rakyat Malaysia (GRM);
- (h) Parti Kemajuan Rakyat (PPP);
- (i) Parti Islam Se Malaysia (PAS);
- (j) Lain-lain parti politik yang dipersetujui dengan sebulat suara oleh kesembilan parti yang tersebut di atas supaya diterima menjadi ahli Barisan Nasional.

6. PERTUBUHAN DAN PENTADBIRAN

(i) *Dewan Tertinggi*

Segala urusan Barisan Nasional adalah ditadbirkan oleh Dewan Tertinggi yang berfungsi sebagai badan tertinggi kepada Barisan Nasional. Dewan Tertinggi mengandungi tiga orang wakil dari setiap parti anggota. Dewan Tertinggi mengandungi:-

- (a) Pengerusi
- (b) Setiausaha
- (c) Bendahari
- (d) Wakil-wakil dari semua parti anggota.

Pengerusi Dewan Tertinggi dipilih dari ahli-ahli Dewan di dalam mesyuarat pertama Dewan. Pengerusi Barisan Dewan Tertinggi adalah juga Pengerusi Barisan Nasional. Setiausaha dan Bendahari di lantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Dewan, dan kedua-duanya boleh memegang jawatan mereka selagi dikehendaki oleh Pengerusi.

(ii) *Jawatankuasa Barisan Nasional*

Jawatankuasa Barisan Nasional adalah sebagai berikut:-

- (a) Pengerusi
- (b) Setiausaha
- (c) Bendahari
- (d) Pegawai Awam, yang dilantik oleh Dewan Tertinggi dan pegawai ini adalah bertanggungjawab dalam mendakwa atau membela atas nama Barisan Nasional.

(iii) *Tugas-tugas jawatankuasa Dewan Tertinggi*

- (a) *Pengerusi* Dewan Tertinggi adalah Pengerusi Barisan Nasional, yang akan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Dewan Tertinggi. Dalam ketidakhadiran Pengerusi, ahli-ahli Dewan Tertinggi bolehlah melantik seorang Pemangku Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat
- (b) *Setiausaha* adalah bertanggungjawab dalam pentadbiran umum Barisan Nasional.
- (c) *Bendahari* adalah bertanggungjawab dalam hal ehwal kewangan Barisan Nasional.

(iv) *Tanggungjawab Dewan Tertinggi*

Tanggungjawab dan kuasa Dewan Tertinggi adalah seperti berikut:-

- (a) Membentuk dan menjalankan polisi-polisi Barisan Nasional yang tidak bercanggah dengan tujuan-tujuan dasar Barisan Nasional;
- (b) Menyelaraskan hal-hal yang berkenaan dengan Pilihanraya secara umum;
- (c) Mencadangkan (recommend) langkah-langkah tata tertib yang melibatkan anggota-anggota Barisan Nasional secara umum;
- (d) Mengadakan undang-undang dan perintah yang dianggapkan sesuai dan di dalam rangka

Perlembagaan, untuk menguruskan urusan-urusan Barisan Nasional ataupun urusan-urusan mana-mana jua Jawatankuasa khas yang dilantik oleh Dewan Tertinggi;

- (e) Memilih masuk mana-mana jua anggota yang difikirkan sesuai untuk menganggotai Dewan Tertinggi;
- (f) Dewan Tertinggi boleh memandatkan kesemua atau mana-mana jua kuasanya kepada mana-mana jua Jawatankuasa Khas.

7. PENGGANTIAN WAKIL

Parti-parti anggota berhak mengalih-gantikan wakil atau wakil-wakil mereka dalam Dewan Tertinggi, atau/dan di dalam mana-mana jua Jawatankuasa Khas dengan cara membuat surat kepada Setiausaha; dan penggantian itu berjalan kuatkuasanya mulai dari tarikh surat itu disampaikan kepada Setiausaha.

8. PEMBERITAHUAN MESYUARAT DAN AJENDA-AJENDA MESYUARAT

Pemberitahuan mesyuarat dan agenda-ajendanya mestilah dilakukan sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum mesyuarat itu diadakan, melainkan mesyuarat-mesyuarat tergepar yang boleh diadakan dalam tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang diarahkan oleh Pengerusi.

9. KORAM MESYUARAT DEWAN TERTINGGI

Koram mesyuarat Dewan Tertinggi adalah dengan majoriti parti anggota.

10. KEKERAPAN MESYUARAT

Mesyuarat Dewan Tertinggi diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun, yang dipanggil oleh Pengerusi atau Pemangku Pengerusi. Mana-mana jua mesyuarat Dewan Tertinggi yang diadakan tidak melewati Jun setiap tahun bolehlah ditakrifkan sebagai Mesyuarat Agung Tahunan.

Dewan Tertinggi. Mesyuarat khas boleh diadakan atas permintaan bertulis dari sekurang-kurangnya satupertiga dari jumlah parti-parti anggota.

11. KEPUTUSAN

Keputusan mesyuarat adalah dengan sebulat suara; melainkan keputusan yang berhubung dengan Fasal 13 sahaja yang boleh menjadi majoriti, di mana setiap parti anggota masing-masing mempunyai satu undi.

12. PENANGGUHAN KEPUTUSAN

Mana-mana parti anggota, oleh sebab-sebab yang menasabah, tidak dapat hadir dalam mana-mana satu mesyuarat Dewan Tertinggi, berhak memohon penangguhan terhadap pelaksanaan keputusan yang telah dibuat dalam mesyuarat itu. Dewan Tertinggi akan mengadakan suatu lagi mesyuarat secepat mungkin untuk membincangkan semula perkara tersebut.

13. TATA-TERTIB

Dewan Tertinggi mempunyai kuasa tindakan tata-tertib dan menyingkirkan mana-mana parti anggota yang melakukan sesuatu yang bertentangan dengan dasar Barisan Nasional.

14. LAMBANG

Lambang, lencana dan bendera Barisan Nasional adalah "dacing" berwarna kuning emas berlatarbelakangkan biru tua.

15. KEWANGAN

(i) *Punca Pendapatan*

Punca pendapatan pertubuhan ini adalah dari sumbangan parti-parti anggota dan juga sumbangan-sumbangan lain.

(ii) *Hak Berbelanja*

Hak untuk membelanjakan wang Barisan Nasional adalah terletak pada Pengerusi.

(iii) *Kira-kira*

Bendahari hendaklah menyimpan kira-kira pendapatan dan perbelanjaan dengan baik dan menyediakan suatu penyata kira-kira pendapatan berakhir pada 31hb. Disember tiap tahun, yang mana, selepas diodit, akan dikemukakan kepada Dewan Tertinggi di dalam mesyuarat Agung Tahunannya untuk disahkan.

(iv) *Pemeriksa kira-kira*

Dewan Tertinggi hendaklah melantik beberapa pemeriksa kira-kira untuk memeriksa buku kira-kira Barisan Nasional.

16. **PINDAAN ATAU TAMBAHAN
KEPADA PERLEMBAGAAN**

Pindahan atau tambahan kepada Perlembagaan hanya boleh dibuat dalam mesyuarat Dewan Tertinggi, dan pindaan atau tambahan itu hanya akan berjalan kuatkuasanya setelah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

17. **PENYERAHAN BALIK SURAT-SURAT**

Dalam hal di mana sebarang parti anggota menarik diri dari Barisan Nasional atau wakil/wakil-wakilnya menarik diri dari partinya sendiri, maka parti atau wakil itu dengan sendirinya berhenti dari menjadi anggota Dewan Tertinggi atau lain-lain jawatankuasa khas, dan parti atau wakil/wakil-wakil ini dikehendaki menyerahkan balik kepada setiausaha segala surat-surat yang pernah diterima oleh parti atau wakilnya itu dari Pengerusi atau Setiausaha semasa mereka memegang jawatan. Satu surat pengakuan penyerahan-balik semua surat-surat itu kepada Setiausaha hendaklah ditandatangani oleh anggota-anggota Dewan Tertinggi atau mana-mana Jawatankuasa Khas yang telah dipilih-masuk atau dilantik untuk memegang jawatan tersebut oleh Dewan Tertinggi.

18. PERTUKARAN ALAMAT

Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap anggota Dewan Tertinggi atau lain-lain jawatankuasa khas untuk memberitahu dengan bersurat kepada Setiausaha atas sebarang pertukaran alamat. Barisan Nasional tidak bertanggungjawab atas tidak sampainya makluman-makluman, pemberitahuan dan sebagainya atas sebab pertukaran alamat. Semua makluman-makluman, pemberitahuan dan sebagainya yang dikirimkan mengikut alamat terakhir yang diketahui, adalah disifatkan sebagai telah diterima oleh penerima-penerima yang ditunjukkan.

19. IBU PEJABAT

Ibu Pejabat Barisan Nasional terletak di No. 399 Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, atau pun di mana-mana jua yang ditetapkan oleh Dewan Tertinggi dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Ibu Pejabat tersebut dinamakan "Ibu Pejabat Barisan Nasional Malaysia."

20. MENTAKRIFKAN UNDANG-UNDANG

Jika timbul sebarang kekeliruan di mana di dalam Undang-undang dan Peraturan Barisan Nasional tidak begitu dijelaskan, maka Dewan Undangan Tertinggi mempunyai kuasa untuk mentakrifkan perkara itu dan keputusan yang dibuat itu adalah muktamat dan berkuatkuasa kepada semua anggota.

Perisytiharan persefahaman parti-parti Nasma, PAS, PSRM DAN SDP bagi menghadapi pilihanraya umum

KAMI yang menurunkan tandatangan di bawah ini, mewakili parti-parti NASMA, PAS, PSRM dan SDP dalam mesyuarat pada hari ini, Isnin, 14 Julai 1986 bersamaan 4 Zulkaedah 1406, berasaskan kepada:

KESEDARAN bahawa negara kita kini berada di ambang kehancuran dan keruntuhan politik, ekonomi, kemasyarakatan, perundangan, keadilan, akhlak, hak-hak asasi serta kebebasan rakyat akibat dari kezaliman, penindasan, penyelewengan, keangkuhan, rasuah, 'asabiyah, pemusatan dan penyalahgunaan kuasa yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, dan;

Memandangkan bahawa keadaan ini sedang membawa akibat buruk kepada maruah negara dan kehidupan rakyat serta usaha-usaha yang bijaksana dan langkah-langkah berkesan perlu diambil segera untuk menyelamatkan negara ini dari kehancuran, perpecahan dan kebinasaan, dan;

Menyedari bahawa usaha-usaha dan langkah-langkah untuk menyelamatkan negara ini memerlukan perpaduan, pengembelian tenaga segenap golongan dan lapisan masyarakat yang sedar dan sedia terus berusaha untuk membendung kehancu-



All smiles after the signing of the joint-declaration (from left) Raja Datuk Nasron Raja Ishak (NasMa president), Ustaz Fadzil Noor (PAS deputy president), Ustaz Nakhai Ahmad (PAS vice-president), Datuk Farooq Ruffin (PSRM chairman) and Encik Ahmad Nor (SDP president).

ran ini dengan penuh jujur, ikhlas dan bersefahaman;

MEMBUAT DAN MENGAMBIL KEPUTUSAN-KEPUTUSAN BERIKUT:-

1. Semua parti yang menandatangani Perisytiharan ini adalah mengakui hak PAS memperjuangkan Negara Islam di samping mengakui kebebasan parti-parti lain yang menandatangani Perisytiharan ini.

2. Bersetuju mengadakan persefahaman dan kerjasama antara parti-parti yang menandatangani Perisytiharan ini dalam Pilihanraya Umum dan menentang Barisan Nasional untuk mengurangkan majoriti dua pertiganya, atau jikalau diberi peluang oleh rakyat, membentuk kerajaan pilihan rakyat yang berasaskan keadilan, kebebasan serta perpaduan dan perkara-perkara berikut:

2.1 Menegakkan Islam sebagai ad-Deen (sistem kehidupan yang berasaskan kebenaran, keadilan, kebebasan dan nilai-nilai kebaikan) di samping terus menjamin, memelihara dan mempertahankan prinsip kebebasan beragama;

2.2 Berusaha dengan penuh keazaman, keteguhan serta kejujuran untuk menegak keadilan dan memperkukuhkan asas-asasnya dalam pemerintahan negara dan kehidupan individu serta masyarakat;

2.3 Berjuang menentang kezaliman, penindasan, penyelewengan, rasuah, 'asabiyyah, pencabulan hak-hak asasi dan kebebasan rakyat, pemusatan dan penyalahgunaan kuasa yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional;

2.4 Membela dan memperjuangkan hak dan kebebasan rakyat untuk berorganisasi, berhimpun, bersuara, bergerak serta memperjuangkan pemansuhan akta-akta yang menafikan hak-hak asasi rakyat seperti Undang-undang Darurat, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984, Akta Universiti Dan Universiti Kolej serta pindaan-pindaannya, Kanun Keseksaan 1984 (Pindaan) 1983 dan 1984 dan sebagainya;

2.5 Berusaha mewujudkan masyarakat adil dan saksama

tanpa mengira kaum, kelas, jantina, agama, kepercayaan, bahasa dan kebudayaan dalam semua bidang politik, ekonomi dan sosial bagi menghapuskan polarisasi kaum yang diakibatkan oleh dasar-dasar dan amalan diskriminasi Kerajaan Barisan Nasional;

2.6 Berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan negara ini makmur, maju dan memastikan kemajuan serta kemakmurannya dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat secara saksama dan menjamin peluang-peluang yang sama serta pengagihan kekayaan negara secara adil tanpa diskriminasi, nepotisme, rasuah, penyalahgunaan kuasa, pemerasan, penindasan dan kezaliman;

2.7 Mengiktiraf hak milik perseorangan selagi pemilikan itu diperolehi secara halal dan dimanfaatkan secara bertanggungjawab serta tidak digunakan untuk penindasan di samping menghormati hak milik bersama demi kepentingan masyarakat;

2.8 Membangunkan negara secara adil, sepadu, seimbang dan berdikari dengan mengutamakan kemajuan insan menerusi penggembelangan tenaga, modal serta kepakaran tempatan dan menekan kepentingan rakyat negara ini lebih daripada kepentingan asing;

2.9 Memelihara dan menjamin kehormatan kemanusiaan serta mutu kehidupan rakyat terutama golongan terbiar dan tertindas (mustadh'afin) dengan meningkatkan kesedaran memastikan penglibatan dalam proses kemajuan, mengurangkan pengangguran, membasmi kemiskinan dan membaiki serta memperluaskan perkhidmatan pendidikan, perumahan, kesihatan, pengangkutan, perhubungan, bekalan air, elektrik dan lain-lain;

2.10 Memajukan sektor pertanian dan perikanan serta masyarakat petani dan nelayan dengan meningkatkan penyelidikan, penggunaan kaedah saintifik dan kerjasama dalam aktiviti pertanian serta berusaha mengatasi masalah kelaparan tanah di kalangan petani yang miskin;

2.11 Membangunkan industri secara sepadu dan seimbang

di antara yang kecil dan yang besar dan di antara pertanian dan perindustrian di samping mengutamakan kepentingan rakyat terutama golongan pekerja serta pengguna dan memelihara alam sekitar;

2.12 Menggubal dasar yang menjamin hak-hak serta kepentingan kaum pekerja, berusaha dengan lebih bersungguhsungguh untuk menjamin kebajikan kaum pekerja serta memberi perlindungan kepada mereka dan menghapuskan penyelewengan yang berlaku di dalam KWSP dan PERKESO;

2.14 Menyediakan lebih banyak peluang serta kemudahan untuk menggalakkan belia dan beliawanis menyertai kegiatan-kegiatan politik, ekonomi dan sosial yang sihat dan membina;

2.15 Mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi negara dan bahasa bersama rakyat Malaysia, dengan jaminan bahawa bahasa-bahasa lain, terutama bahasa sukukaum, bebas digunakan, dikembang, dan dimajukan. Sesuai dengan ini, Sekolah Jenis Kebangsaan yang menggunakan bahasa sukukaum sebagai Bahasa Pengantar dan Sekolah Agama Islam yang menggunakan Bahasa Arab hendaklah terus dipelihara dan dipertahankan. Oleh itu, peruntukan Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961, hendaklah dimansuhkan;

2.16 Mengakui pentingnya dibentuk dan dilaksanakan satu sistem pendidikan yang mampu membina rakyat yang berperibadi mulia, berakhlak, berilmu, cekap dan mahir serta dapat menguasai perkembangan sains dan teknologi serta menjamin hak setiap individu untuk mendapat pendidikan setinggi-tingginya tanpa mengira kaum, status masyarakat, kemampuan dan sebagainya;

2.17 Berusaha menyatupadukan rakyat menerusi pemikiran yang maju berasaskan prinsip-prinsip keadilan, kebenaran dan kebebasan sesuai dengan lunas-lunas Islam dan nilai-nilai sejagat, perkembangan ilmu pengetahuan dan sains serta perkembangan kehidupan manusia. Selain daripada itu rakyat Malaysia bebas mengamalkan kebudayaan dan carahidup mereka mengikut agama atau warisan kebudayaan masing-masing secara harmoni;

2.18 Berusaha menyelesaikan masalah kewarganegaraan mereka yang mempunyai kelayakan dan menjamin agar taraf kerakyatan tidak dilucutkan secara tidak adil;

2.19 Berusaha mengatasi masalah pendatang-pendatang haram dan menjamin supaya mereka tidak menjejaskan peluang-peluang pekerjaan dan keselamatan sosial bagi rakyat negara ini;

2.20 Menumpukan perhatian terhadap kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru, ladang-ladang, kaum minoriti, penempatan orang-orang asli dan peribumi Sabah dan Sarawak untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial yang dihadapi oleh penduduknya, khususnya berkaitan dengan pemilikan tanah, kemudahan sosial dan lain-lain;

2.21 Melaksanakan dasar luar negeri yang dapat menjamin kedaulatan dan keamanan negara, menegakkan perdamaian dunia dan keadilan antarabangsa dengan mengambil sikap serta pendirian berkecuali yang positif bagi menentang segala bentuk imperialisme, penjajah, zionisme dan rasisme serta berusaha mewujudkan susunan baru ekonomi antarabangsa yang adil dan saksama;

2.22 Jika diberi kuasa akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Perlembagaan yang bebas bagi menggubal satu perlembagaan baru yang menjamin hak-hak dan keadilan semua rakyat negara ini. Perlembagaan baru itu akan dikemukakan kepada rakyat menerusi satu referandom.

3. Menyedari realiti politik pada masa ini bahawa Islam dan nilai-nilai sejagat merupakan asas penting bagi perjuangan menegakkan keadilan, kebenaran, kebebasan dan kestabilan, maka Islam dan nilai-nilai tersebut hendaklah diterima sebagai teras kepimpinan.

4. Perubahan sikap dan pendirian mana-mana parti yang menandatangani Perisytiharan ini terhadap perkara-perkara yang dipersetujui ini dan menentangnya secara terbuka, dengan sendirinya akan dianggap sebagai tindakan menarik diri dari ikatan yang dijalin dari Perisytiharan ini.


5. Kami berikrar akan mendokong dan mempertahankan

kandungan dan semangat Perisytiharan ini dan berjanji tidak akan mengkhianati serta akan terus berusaha mengekalkan persefahaman antara kami dan berjanji tidak akan menyertai Barisan Nasional demi faedah rakyat dan negara ini.

MAKA DENGAN INI KAMI YANG MENURUNKAN TANDATANGAN DI BAWAH INI, MEWAKILI PARTI NASIONALIS MALAYSIA (NASMA), PARTI ISLAM SE MALAYSIA (PAS), PARTI SOSIALIS RAKYAT MALAYSIA (PSRM) DAN SEPAKAT DEMOCRATIC PARTI (SDP) BERSETUJU DENGAN SEPENUHNYA KANDUNGAN "PERISYTIHARAN PERSEFAHAMAN PARTI-PARTI NASMA, PAS, PSRM DAN SDP BAGI MENGHADAPI PILIHANRAYA UMUM"



(DATO' RAJA NASRON
RAJA ISHAK)
PRESIDEN NASMA



(DATUK KAMPO RADJO)
PENERUSI PSRM



(HAJI YUSOF RAWA)
YANG DIPERTUA AGUNG PAS



(AHMAD BIN NOR)
PRESIDEN SDP

HARIAN KOTA - KHAMIS 17HB. JULAI 1986

Pas-CCC memo of understanding

THE Perak Chinese Consultative Council (CCC) claims that Pas has promised freedom and equality in various aspects of life if it comes to power.

A Perak CCC official last Tuesday week gave the New Sunday Times an unsigned copy of a document which he said was a memorandum of understanding between his organisation and Pas.

Pas deputy president Haji Nakhaie Haji Ahmad claimed he had not seen the document, but a CCC official said it was sent to Pas for verification some time ago. "The question of agreement or acceptance of this document ... does not arise, "As far as we are concerned, this is what they assured us of."

The document, containing 57 points in eight policy areas, is reproduced here:

Pas policy and Islamic concept

- All people are equal and all cultures, languages and religions shall be respected and allowed.

- There shall be no classification of people into "the conqueror" and "the conquered" of "Bumiputera" and "Non-Bumiputera".

- All Malaysian citizens shall be identified as Malaysians and not as Malaysian Malay, Malaysian Chinese or Malaysian Indian.

- All persons who believe that there is a true God who is all-mighty and just and rever him, and has good moral character, wisdom and dedication shall be allowed and be accepted to hold office of high authority.

- The basis of all policies shall be equality, fairness, righ-

teousness, justice, democracy, and the people's interests.

- There shall be two systems of law. Muslims will be governed by Islamic law while non-Muslims will be governed by a secular law.

- All minority interests shall be protected.

- While the ulama will be consulted, the country shall be ruled by an elected Parliament.

- No one shall be compelled to be converted into a Muslim and a Muslim shall be allowed to stay with his non-Muslim family.

Fundamental rights

- There shall be freedom of speech, association, gathering, publication and ideology as long as the freedom is not abused so as to cause public disturbances and to corrupt the morals of the people.

- No person shall be imprisoned without a fair trial.

- The Publication Act and the Official Secrets Act shall be reviewed and amended or repealed to reflect the true spirit of the freedom of speech and publication.

Education, cultures and languages

- All non-profit oriented schools shall be brought into the mainstream of education and shall be given full aid and subsidies and land for development.

- Establishment of private schools and universities of any medium of instruction shall be allowed and encouraged.

- Enrolment into institutions of higher learning and the award of scholarships shall be on the basis of merit.

- Recognition of foreign university degrees shall be reviewed based on academic standards and not on political grounds.

- All cultural of all ethnic groups are cultures of Malaysia and shall be allowed and encouraged to evolve freely into Malaysian culture.

- Teaching of languages of all major ethnic groups shall be

encouraged in all schools.

- Adequate numbers of teachers shall be trained for all schools.

- Section 21(2) of the Education Act shall be repealed.

- Free use of mother-tongue languages between the people and the Government shall be respected and allowed.

- Laws governing signboards shall be repealed.

- Local elections shall be restored.

- All electoral constituencies shall be reviewed and based on the equality of vote, logical delineation and geographical continuation.

Election

- An elected Member of Parliament or State Assembly or municipality shall be deemed to have resigned if he resigns from a political party on which ticket he was elected.

- No person of corrupt morals shall be allowed to stand for election.

Internal security

- The Internal Security Act shall be repealed.

- All political prisoners shall be released within one month if they are not charged in a court of law.

- Amnesty shall be offered to all persons who engage in unlawful activities and assistance shall be given to them to live a normal life if they renounce violence and unlawful activities.

Citizenship

- All persons who have lived in Malaysia for more than 15 years and who are born in Malaysia irrespective of parentage shall be given citizenship.

- Spouses of Malaysian citizens shall be given citizenship if they have lived in Malaysia for more than three years.

Social justice and national solidarity

● All people shall be treated as equal and shall enjoy equal rights and privileges.

● The classification of citizens into Bumiputras and non-Bumiputras shall cease.

● Requirements in all applications and registration forms to state the ethnic and dialectic group of a person shall cease.

● There shall be a true restructure of the society by encouraging and having substantial numbers of people of all ethnic groups in all fields of work and professions.

● There shall be no discrimination against anyone.

● A Civil Rights Ministry shall be set up to look into discrimination and promote national solidarity.

● (Those guilty of) racial and religious discrimination shall be severely punished.

● Occupants of State land which is required or given out for development shall be resettled elsewhere in a proper place with adequate compensation.

Economy and livelihood

● Encourage free enterprise with minimal Government interference.

● Reduce personal income tax and give greater allowance for the support of spouses, children and parents.

● Reduce corporation tax and give incentive for capital plough-back investment.

● Cut red tape in conversation of the application for land for housing and industrial development purposes so as to reduce the cost of houses and enhance industries.

● Adopt a liberal land policy and give TOL to people to cultivate cash crops on unused State land.

● Cut spending on prestigious projects and unnecessary travelling by Government officials to foreign countries.

● Increase efficiency by cutting red tape in all departmental machinery and promotion of all civil servants shall be based on record of efficiency and capabilities.

- Review the Fishery Act and to implement it only when it will not cause undue hardship to all parties concerned.

- Strict control on immigration and deportation of all illegal immigrants.

- Repeal the Industrial Co-ordination Act.

- Repeal the requirement of AP for import of Chinese goods.

- Encourage more direct trade between Malaysia and all countries and allow free visits to all foreign countries except Israel.

- To produce consumer goods importation and to encourage export of manufactured goods.

- All tenders for contracts shall be supervised and local companies shall be given priority.

- A liberal policy shall be adopted to alleviate the hardship of people by setting up more hawker centres and by issuing more hawker licences and TOL for State land.

- Quit rent and assessment shall be reviewed.

- Rent Control Ordinance shall be reviewed.

New Sunday Times - July 13, 1986

UMNO BIJAK MEMASANG PERANGKAP PAS KELANTAN TEWAS KERANA ISU CCC

OLEH : SHAMSURY MAMAT

KOTA BHARU : PAS mendakwa kejayaan Barisan Nasional khususnya UMNO di Kelantan kerana parti pemerintahan itu memainkan isu pakatan PAS - CCC sehingga pengundi-pengundi atas pagar tidak percaya lagi dengan perjuangannya.

Sumber terdekat dari pejabat PAS memberitahu, isu pakatan PAS - CCC telah menggagalkan usaha PAS dalam merebut semula negeri Kelantan dari UMNO / BN yang memerintah hampir lapan tahun.

“ PAS tidak sempat untuk menerangkan tentang kedudukan sebenar pakatan yang dibuat dengan CCC itu, sehingga UMNO mengambil kesempatan untuk mengelirukan masalah itu,” ujar sumber berkenaan.

Dengan kejayaan UMNO mengelirukan pakatan PAS - CCC ini juga menyebabkan pemimpin PAS menjadi 'panik' dan mula menggelabah walaupun Pesuruhjaya PAS, Haji Nik Aziz Nik Mat sendiri telah sedaya upaya menerangkan soal tersebut kepada pengundi di setiap ceramahnya, dakwa sumber itu.



Haji Nik Aziz ;
Kecundang di Bachok

Dalam satu perkembangan lain, sumber itu memberitahu, ke-

banyakan para pengundi, khususnya pengundi 'atas pagar' telah mula memihak kepada Barisan Nasional sebaik sahaja mendengar ucapan pemimpin parti kerajaan berkaitan dengan keterangan PAS - CCC.

Watan juga diberitahu, sepanjang ceramah UMNO dan Barisan Nasional termasuk kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir dan Timbalannya, Ghafar Baba semasa lawatannya ke negeri ini sudah pasti akan menyebut pakatan PAS - CCC yang sebelum ini mengecam UMNO kerana berbaik dengan MCA dan MIC.

Tambahan lagi, dengan pelbagai media massa yang memihak kepada parti kerajaan semasa pilihanraya lalu, sudah pasti memberi kesan negatif berkaitan dengan pakatan PAS - CCC yang sebelum ini mengecam UMNO kerana berbaik dengan MCA dan MIC." terang sumber itu.

MODAL

Tambah sumber itu, sekiranya pakatan PAS - CCC ini tidak dijadikan modal oleh UMNO, sudah pasti kerajaan Kelantan akan dapat dimiliki oleh PAS.

" PAS telah dapat menunjukkan pretasi yang baik, kedudukan yang teguh, tiada perselisihan diantara pemimpin dan yang jelas, telah berkeyakinan untuk menawan Kelantan. Terengganu dan Kedah malangnya gagal merana muslihat UMNO," ujar sumber itu.

WATAN SABTU 16 - 18 OGOS 1986
MUKA 12

BN DAPAT MODAL BESAR UNTUK TERUS BERKUASA - HJ. HASSAN ULAMA AKUI CCC TIKAM PAS

OLEH : SHAMSURI ROSLAN.

KUALA LUMPUR - Ketua Dewan Ulama PAS Wilayah Persekutuan, Haji Hassan Salleh mengakui kerjasama yang dibentuk oleh PAS dan Majlis Perundingan Cina (CCC) telah menikam diri PAS sendiri dan mengakibatkan kekalahan teruk dalam pilihanraya 3 Ogos lalu.

Beliau berkata, persefahaman itu telah dijadikan modal pilihanraya UMNO dan menyulitkan PAS untuk memberi penerangan kepada masyarakat kampung.

“ UMNO telah melemparkan tuduhan bahawa kerjasama PAS dengan orang-orang bukan Islam (kafir) adalah sama dengan UMNO yang berkongsi kuasa parti-parti bukan Islam seperti MIC, MCA, PBS dan lain-lain lagi.”

“ Tuduhan-tuduhan itu telah menimbulkan berbagai reaksi kepada masyarakat kampung dan mereka menjadi keliru apabila PAS kesuntukan masa untuk memberi penerangan itu kepada mereka,” tambah beliau lagi, yang tewas di tangan Datuk Haji Dasuki Ahmad bagi merebut kerusi Parlimen Tumpat.

Haji Hassan berkata, kegagalan PAS memberi penerangan kepada masyarakat itu telah mengakibatkan parti itu mengalami



Haji Hassan Salleh :
Akui kesilapan PAS

kekalahan di tiga buah negeri yang dianggap kubu kuat PAS selama ini.

Ketua Dewan Ulama PAS Persekutuan itu menegaskan, bahawa kerjasama di negara PAS dengan CCC adalah patut diteruskan kerana ia merupakan satu jambatan untuk PAS, memberi penerangan kepada orang-orang bukan Islam mengenai dasar perjuangan yang sedang dibawa oleh PAS sekarang.

“ Kita patut bersyukur dengan AJK CCC yang sedia untuk menerima negara Islam melalui PAS bahkan dapat memberi penerangan lanjut kepada masyarakat Islam itu sendiri,” ujarnya.

Hubungan kerjasama antara PAS dan CCC mula dijalinan pada bulan Januari 1986. Kerjasama kedua-dua pihak itu diketuai oleh Bendahari Agung PAS, Syed Ibrahim Syed Abd., Rahman bersama-sama dengan 16 anggota ahli jawatankuasa yang lain.

Sehingga kini tujuh buah negeri telah mengisytiharkan pembentukan kerjasama antara PAS dengan CCC, secara rasmi. Sementara tiga buah negeri lain iaitu Terengganu, Kedah dan Kelantan belum ditubuhkan secara rasmi.

Dalam perkembangan lain, kedua-dua pihak CCC dan PAS akan mengadakan post-mortem mengenai kerjasama mereka di dalam pilihanraya 3 Ogos lalu.

Sumber-sumber parti itu memberitahu, mereka mungkin akan mengadakan beberapa pertemuan untuk membincangkan kerjasama di antara keduanya bagi memberi penerangan kepada masyarakat bukan Islam di negeri ini.

“ Kekalahan teruk PAS disebabkan masyarakat Islam yang terkeliru dengan kerjasama PAS dan CCC dan orang-orang bukan Islam yang masih belum begitu mengetahui konsep negara Islam yang sebenarnya,” kata sumber-sumber itu lagi.

WATAN SABTU 16 - 18 OGOS 1986
MUKA 3

CCC AKHIRNYA DILULUSKAN

KUALA LUMPUR: Pertubuhan 'Community Coalition Congress'(CCC) telah diberi kelulusan untuk bergiat sebagai sebuah pertubuhan politik pada 20hb. November, 1988 yang lalu oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Demikian diberitahu oleh Sdr. Leow Kim Hock, Pengerusi Penaja CCC Wilayah Persekutuan.



Ustaz Abdul Hadi Awang

USTAZ HAJI ABDUL HADI

CCC yang telah diilhamkan pada awal tahun 1986 oleh beberapa orang tokoh bukan Islam telah membuat permohonan kepada Pendaftar Pertubuhan selepas Pilihanraya Umum pada bulan Ogos, 1986. Nama penuhnya pada masa itu ialah 'Chinese Consultative Council atau Majlis Perundingan Cina. Ia mengambil masa selama dua tahun untuk diluluskan pendaftarannya.

CCC, sepertimana ia dikenali oleh umum telah muncul sebagai satu faktor politik yang amat menggemparkan pihak pemerintah

Barisan Nasional pada awal-awal ia bergiat lagi. Pada masa itu CCC bergerak sebagai satu 'jambatan' PAS bagi menaungi segala permasalahan masyarakat bukan-Islam dalam konteks politik Islam. CCC telah menjayakan berbagai majlis dialog serta

perundingan dengan masyarakat bukan-Islam terutamanya masyarakat Cina sehingga mencapai persefahaman yang tinggi dan bermakna dengan mereka. CCC juga telah mencapai suatu kejayaan dari



USTAZ FADZIL

segi dakwah Islamiah dalam memperkenalkan kepada masyarakat Cina khususnya tentang falsafah politik

Islam yang sungguh unik yang selama ini terselindung daripada mereka.

Oleh kerana CCC mencapai 'kekuatan politik' yang begitu pantas serta memeranjatkan pihak Barisan Nasional, maka

ia telah diberi amaran supaya mengisytiharkan diri melalui pertubuhan yang berdaftar.

Sebelum mendaftarkan diri, CCC telah mengembangkan maksudnya kepada 'Communities Consultative Council' iaitu Majlis Perundingan Masyarakat (yang berbilang kaum) supaya merangkumi semua kaum yang ada dalam negara ini. Oleh kerana CCC berjaya memecah tembok besar kesalah-fahaman masyarakat Islam maupun bukan Islam terhadap politik Islam, maka untuk meneruskan hasrat yang besar ini, CCC terpaksa mengemukakan permohonan untuk 'permit' atau 'lesen' dari pihak berkuasa.

Tetapi permohonan CCC telah mengalami berbagai permasalahan terutama pada namanya. CCC diberitahu oleh pihak pendaftar bahawa namanya tidak berbau politik. Maka pertukaran perlu dibuat tetapi pihak penaja CCC masih berdegil tidak mahu mengorbankan tiga



HAJI NAKHAIE



USTAZ HASSAN
SHUKRI



USTAZ NIK HAJI ABDUL
AZIZ

huruf yang sudah bertapak besar dalam politik negara. CCC dipinda namanya tetapi masih mengekalkan nama pendek tiga huruf 'C' itu, iaitu 'Communities Coalition Congress' atau Kongress Gabungan Masyarakat (yang berbilang kaum).

Buat masa ini CCC akan membuat perancangan yang rapi untuk melancarkan pengambilan ahli secara besar-besaran supaya ia dapat berfungsi sebagai wadah alternatif kepada masyarakat umum yang selama ini

tidak berkehaluan dalam politik parti-parti perkauman dan berpuakan.

Salah seorang pengasas CCC lama, Sdr. Kamal Koh berharap CCC akan meneruskan 'project' asalnya sehingga berjaya dirapatkan lagi semua dalam negara ini kepada politik keadilan dan kebenaran Islam yang dihasratkan oleh PAS.



HAJI NIK
ABDULLAH

HARAKAH - 6 JANUARI 1989/ 28
JAMADILAWAL 1409

Muka 4

CCC Sokong Perjuangan Pas Tegak Negara Islam

29 September 1989

KUALA LUMPUR: Parti Kongres Penyatuan Masyarakat (CCC) sekali menyatakan sokongan mendalam mereka kepada perjuangan PAS bagi mengujudkan negara Islam di negara.

Mereka yakin, negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS adalah lebih baik dari negara Islam yang dilaungkan oleh UMNO sekarang ini.



Barisan pimpinan baru CCC dalam sidang akhbar di sebuah restoran baru-baru ini

Serentak dengan itu juga, mereka melahirkan rasa gembira mereka dapat berjuang bersama-sama dengan PAS bagi menumbangkan kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang ini.

Perkara ini telah dinyatakan oleh Parti CCC yang dahulunya adalah Majlis Perunding Cina, dalam satu sidang akhbar yang diadakan oleh mereka di Ampang baru-baru ini.

Sidang akhbar itu merupakan yang pertama diadakan oleh mereka selepas penubuhan parti itu diluluskan secara rasmi oleh Pendaftar Pertubuhan. Hampir kesemua pemimpin parti hadir dalam sidang akhbar itu.

Naib Pengerusinya, Encik Liow Kom Hock dan Setiausaha Agongnya, Ong Hua telah menjadi jurucakap mereka dalam sidang akhbar itu.

Ketika ditanya oleh wartawan, adakah mereka tidak takut jika dikatakan mereka menyokong gagasan negara Islam yang dibawa oleh PAS, En. Leow dengan tegas menyatakan, mereka tidak takut bahkan memang mereka menyokong perjuangan PAS.

"Kami yakin ianya adalah bentuk negara yang lebih baik dari negara Islam yang dijalankan oleh UMNO sekarang ini," katanya.

Apabila wartawan bertanya, adakah CCC menyokong negara Islam versi PAS dan menolak negara Islam versi UMNO, mereka berkata, ya! kerana ianya lebih adil.

Menjawab satu persoalan yang ditimbulkan, Setiausaha Agongnya memberitahu bahawa CCC percaya PAS masih yakin dengan sistem demokrasi berparlimen sekarang ini.

Di dalam sidang akhbar itu juga, mereka mengumumkan bahawa CCC akan bergabung bersama-sama dengan lain-lain parti pembangkang bagi menumbangkan kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang ini.

PAS DAN ARAH PERPADUAN UMMAH

Fokas, Al-Ummah (September 1989)

Wawancara eksklusif al-Ummah dengan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang mengenai latar belakang wujudnya Angkatan Perpaduan Ummah dan arah tujuannya yang dibawa oleh ANGKATAN

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang selaku Timbalan Yang Di Pertua PAS Pusat, merangkap Imam masjid Rusila, Terengganu, telah menjelaskan kepada wartawan al-Ummah tentang latar belakang wujudnya Angkatan Perpaduan Ummah dan Arah tujuannya yang dipersetujui bersama antara PAS, Semangat 46 dan Berjasa.

Berikut adalah wawancara eksklusif wartawan al-Ummah dengan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang mengenai PAS DAN ARAH PERPADUAN UMMAH, yang dibuatnya di kediaman Tuan Guru di Rusila, Kuala Terengganu.

Al-Ummah: Apakah latarbelakang yang membawa wujudnya Angkatan Perpaduan Ummah yang dipelopori bersama antara PAS, Semangat 46 dan Berjasa

Haji Abdul Hadi: Latarbelakang wujudnya Perpaduan ini yang pertama menyedari masalah yang dihadapi oleh masyarakat di negara kita dalam segala aspek ekonomi,

politik dan sosial menandakan kegagalan pemerintah yang ada pada hari ini dan terdapat beberapa penyelewengan yang perlu di atasi, sudah pasti perlu dicari apakah penyelesaiannya dan dalam perbincangan yang diadakan terdapat satu titik persefahaman di antara kita iaitulah perlu kepada penyelesaian secara Islam, dengan sebab itu maka dimateraikan di dalam undang-undang tubuh perpaduan ummah bahawa cita-cita Angkatan Perpaduan Ummah ini ialah menegakkan Islam sebagai Ad-Deen dan meletakkan kepimpinan mestilah di tangan ummat Islam dan inilah titik yang menemukan kami dalam mewujudkan perpaduan.

al-Ummah: Apakah konsep perpaduan yang hendak dibawa oleh PAS, Semangat 46 dan Berjasa.

Haji Abdul Hadi: Konsep perpaduan yang dibawa oleh kami ialah ISLAM sebagai teras kepada perpaduan ummah, kerana untuk menyatu-padukan manusia mestilah memenuhi segala aspek yang perlu dalam kehidupan manusia, bukan satu-satu aspek sahaja seperti yang dikemukakan oleh ideologi-ideologi dan teori-teori lain, ada yang menjadi ekonomi sebagai cara untuk menyatu-padukan masyarakat, ada yang menyatakan keturunan darah sebagai satu cara untuk menyatu-padukan masyarakat, ada yang menyatakan bahasa untuk menyatu-padukan masyarakat dan ada yang menyatakan perbatasan negeri sebagai cara untuk menyatu-padukan masyarakat.

Semua perkara-perkara ini telah gagal mewujudkan perpaduan dan ISLAM memenuhi segala keperluan, menerima bukan sebagai satu teori tetapi satu pelaksanaan yang pernah berjaya di zaman kegemilangan ummat Islam sejak Rasulullah SAW dan zaman yang kemudian daripadanya.

Perpecahan yang berlaku dikalangan ummat Islam di zaman mutakhir adalah berpunca daripada mereka meninggalkan ajaran Islam dan menerima yang lain daripada Islam.

al-Ummah: Di manakah penyertaan dan peranan orang bukan Islam dalam perpaduan ummah.

Haji Abdul Hadi: Apabila kita menegakkan Islam, kita hendaklah menyedari suatu hakikat bahawa Islam adalah agama untuk seluruh manusia, bukan dengan makna memaksa manusia supaya menganut Islam, kerana paksaan adalah bercanggah dengan prinsip Islam, dengan makna ketundukan dan kepatuhan bukan sahaja berdasarkan kepada perkara lahiriyah tetapi mestilah berdasarkan kepada keyakinan yang ada di dalam hati.

Paksaan tidak dapat mewujudkan keyakinan, dengan sebab itu langkah yang perlu diambil oleh kita ialah yang pertama mengajak kepada Islam dan kedua mewujudkan keadilan mutlak yang ada di dalam Islam bukan sahaja kepada orang Islam, tetapi juga kepada orang yang bukan Islam.

Hakikat yang ada di dalam ajaran Islam menunjukkan bahawa kami boleh memberi keadilan kepada orang yang bukan Islam, lebih baik daripada pemerintah dan pemimpin yang sebangsa dengan mereka sendiri.

al-Ummah: Dalam konteks perjanjian Madinah Rasulullah SAW menerima Yahudi dan Nasrani sebahagian daripada ummah. Bagaimana pula lia dapat dijadikan contoh Pembangunan Ummah di Malaysia.

Haji Abdul Hadi: Apabila kita menegakkan negara Islam sudah menjadi kelaziman bahawa mana-mana negara yang menegakkan dasarnya, tidak semestinya seluruh rakyat menganut ideologi negara. Tetapi rakyat hendaklah tunduk kepada peraturan-peraturan yang dikemukakan di dalam negara itu.

Apabila Rasulullah SAW menegakkan negara Islam di Madinah, orang-orang Yahudi tidak dipaksa memasuki Islam, tetapi Allah SWT mewajibkan kepada orang-orang Islam menegakkan keadilan mutlak, termasuk kepada orang-orang Yahudi yang bukan Islam.

Dalam konteks di Malaysia kita hendaklah menegakkan keadilan ini, dan menunjukkan keadilan ini kepada seluruh rakyat, walaupun mereka tidak menganut agama Islam.

Keadilan yang ditegakkan ini bukan sahaja berdasar-

kan kepada semangat yang lahir semata-mata untuk menarik sokongan daripada orang yang bukan Islam, tetapi merupakan suatu kewajipan yang diperintah oleh Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW. Maksudnya: "Sesiapa yang menyakiti orang yang bukan Islam dan menjadi ahli "ZIMMAH" yang menjadi rakyat dalam negara Islam. Maka sesungguhnya dia menyakiti aku sendiri.

al-Ummah:

Apakah untungnya masyarakat bukan Islam berada di bawah panji-panji Ummah.

Haji Abdul Hadi: Untungnya masyarakat bukan Islam berada di bawah panji-panji ummah ini ialah mereka dapat meneruskan kegiatan kehidupan mereka dalam urusan ekonomi, dalam urusan-urusan yang lain yang berkait dengan kepentingan mereka dengan mendapat perlindungan daripada pemerintah yang mendaualatkan undang-undang Islam yang menjamin keselamatan mereka, dan keselamatan yang dijamin oleh kita lebih baik daripada keselamatan yang dijamin oleh mana-mana negara pun yang ada di atas dunia ini.

Di mana, sebagaimana diwajibkan kepada orang Islam membayar zakat dan orang bukan Islam dikenakan Juz'yah, yakni cukai dan negara yang mengambil cukai daripada rakyat hendaklah memberi perlindungan kepada rakyat. Sekiranya dia tidak mampu untuk memberi perlindungan, maka dia tidak berhak mengambil cukai.

al-Ummah: Semangat 46 dan UMNO Baru asalnya rumpun yang sama. Mereka juga suatu ketika dulu sebelum berpecah telah sama-sama menghentam PAS. Kini PAS menerimanya sebagai sahabat, sedangkan UMNO Baru PAS belum sedia menerimanya.

Haji Abdul Hadi: PAS menerima SEMANGAT 46 menjadi sahabat kerana SEMANGAT 46 menerima prinsip perpaduan yang PAS kemukakan selama ini iaitulah ISLAM sebagai dasar perpaduan, di mana perkara ini pernah PAS kemukakan kepada dUMNO beberapa ketika yang lalu, dan

sehingga hari ini pemimpin-pemimpin UMNO Baru tidak membuat suatu kenyataan yang positif daripada apa yang PAS kemukakan.

al-Ummah: Penyokong-penyokong UMNO Baru mendakwa bahawa Perlembagaan UMNO Baru dan SEMANGAT46 adalah sama. mereka kononnya keliru mengapa PAS boleh menerimanya, sedangkan PAS melaungkan perjuangannya untuk menegakkan Daulah Islam. Dan tidakkah ini bercanggah dengan prinsip PAS.

Haji Abdul Hadi: Yang pertama perlu difahami bahawa PAS mendapati suatu sikap yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin SEMANGAT 46 ialah sikap bersedia untuk berdialog dengan kepala dingin dan dengan cara menerima kebenaran hasil daripada dialog itu ataupun pembincangan-perbincangan yang diadakan tidak bersikap angkuh, tidak sebagaimana yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO Baru yang sedang berkuasa dan mereka yang memerintah, dan yang kedua di dalam persefahaman yang diadakan ini, kami mewujudkan suatu perjanjian yang terkandung di dalam undang-undang tubuh Angkatan Perpaduan Ummah yang berasingan daripada undang-undang tubuh PAS sendiri dan undang-undang tubuh SEMANGAT 46 sendiri.

Dimana di dalam perjanjian ini, kami meletakkan suatu dasar yang boleh diterima bersama oleh kami iaitu menegakkan ISLAM SEBAGAI AD-DEEN.

al-Ummah: Pakatan antara PAS, SEMANGAT46 dan Berjasa adalah didokong oleh orang-orang Melayu (Islam). Adakah ini boleh ditafsirkan sebagai satu pakatan antara sesama Melayu? Dan mungkin inilah agaknya yang menyebabkan orang-orang bukan Melayu tidak menerima atau menolak gagasan Perpaduan Ummah yang dipelopori bersama antara PAS, SEMANGAT 46 dan Berjasa. Apa komen Uztaz.

Haji Abdul Hadi: Seluruh rakyat negara ini hendaklah menyedari realiti bahawa orang-orang Melayu yang ber-

agama Islamlah yang mesti menjadi tunggak kepada kepimpinan negara ini, dengan sebab itu kami perlu mengadakan persefahaman terlebih dahulu dengan kumpulan orang-orang Melayu (Islam) yang berpecah yang menjadi tunggak kepimpinan negara dengan menyedari waqi', dengan menyedari realiti bahawa orang-orang yang bukan Melayu juga adalah merupakan suatu kenyataan yang wujud di dalam negara ini, yang mesti diberi suatu perhatian yang serius bagi membela kepentingan mereka, kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini.

al-Ummah: Apakah harapan uztaz kepada gagasan yang diperjuangkan bersama antara PAS, SEMANGAT 46 dan Berjasa.

Haji Abdul Hadi: Sudah tentulah harapan saya supaya gagasan ini mendapat pertolongan dari Allah SWT bagi menghasilkan kejayaan ini dan mendapat sokongan daripada seluruh rakyat yang mahukan wujudnya penyelesaian masalah yang ada dalam negara ini samada daripada kalangan rakyat yang beragama Islam khasnya dan juga kepada rakyat yang tidak beragama Islam supaya mereka menyedari bahawa sebarang kebaikan yang dapat dihasilkan dalam negara ini adalah kebaikan untuk semua dan sebarang keburukan yang menimpa kita adalah menimpa kepada semua.

al-Ummah: Al-Ummah mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Mulia Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang kerana telah sudi meluangkan masa bagi menjelaskan PAS DAN ARAH PERPADUAN UMMAH. Sekian, Wassalam.

Al-Ummah - BIL.23 September 1989.
M.S. - 4-6

PAS DAN TAHALUF

Fokus, Al-Ummah (September 1989)

Temubual Khas Al-Ummah Dengan Tuan Haji Hassan Shukri, Naib Yang DiPertua PAS mengenai PAS dan Tahaluf.

Haji Hassan Shukri dilahirkan sejak lima puluh tahun yang lalu, di Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Sabak Bernam. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama Yahyawiyah Padang Rengas, Perak.

Setelah tamat pengajiannya. Beliau terus berkhidmat di sana sebagai guru selama enam tahun. Dan kemudian beliau melanjutkan pelajarannya ke Bagdad Universiti, Irak. Setelah tamat pengajiannya di sana, ia kembali ke tanahair, dan terus berkecimpung dalam politik dengan mengikuti perjuangan PAS. Iaitu sejak tahun 1955 hinggalah sekarang, beliau masih aktif dalam perjuangan PAS

Diantara jawatan-jawatan yang pernah disandangnya ialah:-

1. Ketua Pemuda PAS Malaysia
2. Setiausaha Agung PAS
3. Timbalan Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiyyah (YADIM)
4. Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
5. Ahli Jawatankuasa Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan
6. Sekarang Naib Yang DiPertua PAS Malaysia

Berikut adalah temubual khas Al-Ummah dengan Tuan Haji Hassan Shukri mengenai PAS DAN TAHALUF di rumah kediamannya di Lorong Haji Hassan, Taman Melewar, Selangor Darul Ehsan.

Al-Ummah: Ada orang mengatakan bahawa Pakatan antara PAS, Semangat 46 dan Berjasa adalah projek untuk menghadapi pilihanraya dan projek pimpinan Angkatan Perpaduan Ummah sahaja. Apa pandangan Ustaz?

Ustaz Hassan: Memang persoalan Angkatan Perpaduan Ummah yang didukung oleh PAS, 46 dan Berjasa ini sering ditimbulkan oleh golongan -golongan tertentu. Persoalan ini ditimbulkan kerana mereka tidak senang dengan wujudnya Angkatan tersebut.

Sebenarnya persefahaman atau Angkatan yang dibina oleh PAS, Semangat 46 dan Berjasa adalah sebagai langkah untuk membina perpaduan dan kesatuan Ummah di negara ini, bukan semata-mata untuk menghadapi pilihanraya seperti yang dikatakan oleh mereka yang tidak mahu melihat Angkatan Perpaduan itu hidup dan berperanan.

Ianya juga bukan suatu projek atau rancangan antara pemimpin Angkatan Perpaduan Ummah. Malah kita akan berazam untuk meneruskan persefahaman dan pakatan ini, sehingga ianya menjadi asas dan tunjang kepada perpaduan rakyat negara ini seluruhnya.

Oleh yang demikian kita menolak dakwaan-dakwaan yang mengatakan bahawa projek Angkatan Perpaduan Ummah semata-mata bertujuan untuk menghadapi pilihanraya sahaja. Dan sekarang kita melaksanakan beberapa program yang bertahap-tahap. Pada tahap ini kita susun untuk meningkatkan persefahaman itu melalui program bersama dan membincangkan masalah yang mungkin timbul dan mungkin boleh menggagalkan usaha-usaha kita bagi mewujudkan perpaduan itu.

al-Ummah: Juga ada orang yang berpendapat bahawa Angkatan Perpaduan Ummah tidak akan berjaya, kerana terdapat di kalangan penyokong-penyokong Angkatan Perpa-

duan Ummah mempunyai fikrah yang berlainan. Apa Komen Ustaz?

Ustaz Hassan: Sesungguhnya perbezaan pendapat adalah suatu perkara yang biasa dalam kehidupan manusia, asalkan perbezaan itu berlandaskan asas-asas yang kuat dan tidak bercanggah dengan Islam.

Tetapi walaubagaimanapun kita sedang berusaha untuk emdekatkan mereka melalui suatu kaedah yang sama-sama telah kita persetujui, di mana semua pihak yang terlibat bersetuju menetapkan bahawa Islam sebagai Ad-Deen, dengan pengertiannya yang luas dn menyeluruh. Dan ianya mestilah dijadikan asas dlam menegakkan keadilan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

Al-Ummah: Angkatan Perpaduan Ummah adalah dipelopori oleh parti-parti orang Islam. Bagaimana pandangan ustaz tentang sikap atau penerimaan oleh orang-orang bukan Islam terhadap Perpaduan Ummah.

Ustaz Hassan: Kita melihat bahawa tidak banyak masalah yang kit hadapi bagi mendapatkan sokongan orang-orang yang bukan Islam terhadap Angkatan Perpaduan Ummah.

Al-Ummah: Kita dapati bahawa orang-orang bukan Islam tidak begitu berminat untuk menyertai Angkatan Perpaduan Umman kerana bagi mereka sekiranya Islam memerintah akan menyingkirkan mereka menafikan hak-hak mereka dalam politik, ekonomi, pelajaran dan sebagainya. Apa pendapat Ustaz?

Ustaz Hassan: Sebenarnya itu tidak timbul, jika Angkatan Perpaduan Ummah ini berjaya dalam pilihanraya akan datang ini, ianya tidak akan menyingkirkan orang-orang yang bukan Islam atau menafikan hak-hak mereka dalam bidang politik, ekonomi, pembangunan, pelajaran dan sebagainya.

Sesungguhnya islam itu sendiri tidak menafikan hak-

hak mereka terutamanya dalam bidang ekonomi dan pembangunan negara. Kita juga tetap menghormati mereka dan akan melaksanakan prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh Islam terhadap orang-orang yang bukan Islam, di mana Islam menentukan bahawa tiada paksaan dalam beragama.

Jadi, Angkatan Perpaduan ini tidak akan memaksa mereka untuk memeluk agama Islam dan apa yang menjadi tugas dan kewajipan bagi Angkatan Perpaduan Ummah ialah menerangkan kepada mereka tentang kebaikan dan keadilan Islam yang menjamin kesejahteraan rakyat seluruhnya, samada yang beragama Islam, maupun yang belum beragama Islam.

Kerana itu, kita berkeyakinan penuh bahawa apabila orang-orang bukan Islam memahami dengan baik akan konsep keadilan Islam dan sikap Islam itu terhadap rakyat yang bukan Islam, di mana ianya tetap menghormati dan memberikan kebebasan kepada mereka berdasarkan kepada undang-undang yang berlandaskan Islam.

Al-Ummah: Apakah konsep Tahaluf yang diperkenalkan oleh Angkatan Perpaduan Ummah sekarang ini, adakah ianya telah menepati kehendak Islam.

Ustaz Hassan: Konsep Tahaluf atau konsep persefahaman atau pakatan politik yang cuba kita perkenalkan sekarang ini bukanlah suatu perkara baru dalam siasah syariyyah. Tetapi ianya telah wujud sejak Rasulullah s.a.w. lagi. Keharusannya memang ada, pelaksanaannya juga pernah berlaku mengikut syarat-syarat yang dipersetujui. Oleh itu kita mempunyai asas yang kukuh dalam mewujudkan persefahaman atau pakatan yang wujud sekarang.

Islam itu bukan ciptaan manusia. Ia adalah ciptaan Allah s.a.w. yang menjadikan manusia sendiri, maka kita rasa asas inilah sahaja yang boleh memberikan keadilan kepada manusia yang tidak mengira asal keturunan dan warna kulit.

Al-Ummah: Banyak orang memperkatakan tentang keadilan. Jadi, bagaimanakah agaknya keadilan yang akan dibawa oleh Angkatan Perpaduan Ummah. Boleh ustaz

terangkan.

Ustaz Hassan: Keadilan yang kita hendak bawa ialah keadilan yang dianjurkan oleh Islam iaitu keadilan yang menyeluruh yang tidak dibatasi sebab-sebab kelainan kaum, kelainan bahasa dan keturunan dan juga keadilan yang boleh diterima oleh seluruh masyarakat negara ini khususnya dan dunia amnya.

Al-Ummah: Kita dapat tahu bahawa kononnya Angkatan Perpaduan Ummah yang diperkenalkan oleh PAS, Semangat 46 dan Berjasa tidak begitu mendapat sambutan atau diterima oleh masyarakat. Apakah dakwaan ini benar?

Ustaz Hassan: Dakwaan yang mengatakan bahawa Angkatan Perpaduan Ummah tidak mendapat sambutan dari kalangan masyarakat adalah tidak benar sama sekali. Sebab, sebenarnya kalau kita lihat sekarang Angkatan Perpaduan Ummah yang sama-sama kita dukung ini telah mendapat sambutan dan perhatian yang sangat menggalakkan daripada rakyat.

Dan kalau kita melihat kepada sambutan yang ada ini kita mempunyai harapan besar bahawa Angkatan Perpaduan Ummah akan mendapat kejayaan dan akan menjadi alternatif kepada Barisan Nasional, Insha'Allah.

Al-Ummah: Apakah langkah-langkah yang perlu bagi bagi mengukuhkan Angkatan Perpaduan Ummah dan keyakinan rakyat terhadapnya.

Ustaz Hassan: Sebagai permulaannya kita hendaklah melaksanakan kerja-kerja bagi membina kekuatan, dan berusaha untuk mengurangkan segala apa perbezaan pendapat yang mungkin berlaku.

Selain daripada itu, untuk menyakinkan masyarakat tentang Perpaduan Ummah, kita mesti menyedarkan rakyat tentang betapa pentingnya suatu perubahan yang perlu dilakukan dalam negera ini.

Perubahan yang boleh membawa kepada pertukaran

pemerintah. Dan dalam hal ini, tentunya kita mengambil jalan yang dibenarkan atau yang dibolehkan oleh undang-undang negara yang berdasarkan kepada demokrasi iaitu kita akan menyertai pilihanraya.

Al-Ummah: Bercakap tentang perubahan, saya tertarik dengan ustaz katakan bahawa perubahan yang boleh membawa kepada pertukaran pemerintah. Jadi, untuk tercapainya matlamat ini? Apakah perubahan yang ustaz mahu dari masyarakat?

Ustaz Hassan: Perubahan yang kita harapkan dari rakyat ialah perubahan melalui kepercayaan kepada Angkatan Perpaduan Ummah, dan kita yakin kiranya rakyat memberi sokongan kepada kita, kita akan berjaya.

Al-Ummah: Apakah harapan ustaz untuk menjadikan Angkatan Perpaduan Ummah ini sebagai pilihan rakyat negara ini.

Ustaz Hassan: Kita hendaklah berusaha untuk memberikan penerangan dan penjelasan kepada rakyat negara ini terhadap isu-isu yang telah dikelirukan oleh golongan-golongan tertentu yang tidak mahu melihat perpaduan ummah yang ditaja ini berjaya.

Kita juga hendaklah terus menerus menerangkan konsep perpaduan ummah ini kepada orang-orang yang bukan Islam, kerana pada masa ini kita dapati bahawa orang-orang bukan Islam juga berminat untuk menyokong Angkatan Perpaduan Ummah, kerana mereka juga mahu melihat perubahan dapat dilakukan melalui Angkatan Perpaduan Ummah.

Insyaa' Allah Angkatan Perpaduan Ummah ini akan menjadi pilihan rakyat pada masa-masa akan datang.

Al-Ummah Bil. 24 (Oktober 1989)

TAHALUF

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْغَالِبِ عَلٰی اَمْرِهِ وَالْقَاهِرِ فَوْقَ عِبَادِهِ .
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی رَسُوْلِ اللّٰهِ وَعَلٰی اٰلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ وَاٰلِهٖ - اَمَّا بَعْدُ :

Takrif "Tahaluf":

Ialah suatu "Perjanjian Persefahaman" bagi berkerjasama dan bantu membantu untuk menghadapi lawan.

Persefahaman ini berlaku di kalangan sama-sama kumpulan Islam seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dengan golongan Aus dan Khazraj yang membawa kepada penyatuan Umat di bawah panji-panji Islam dan tegaknya "Negara Islam". Dan berlaku juga dengan golongan yang bukan Islam seperti persefahaman dengan Bani Hashim dan Bani Abdul Muttalib yang berlaku sebelum Hijrah, dan persefahaman dengan qabilah Khuza'ah selepas perjanjian Hudaibiyah. Dan Rasulullah s.a.w. mengiktiraf Hilful-Fudhul () yang berlaku di zaman Jahiliyah apabila ianya berbentuk satu persefahaman untuk menentang kezaliman bilamana seorang lelaki dari qabilah Zabid telah dizalimi oleh al-As bin Wail () lalu dia memintak pertolongan. Apabila tiada orang yang sanggup menolongnya, maka beberapa orang yang bersimpati di kalangan bangsawan Mekah mengadakan persefahaman di rumah Abdullah bin Jad'an () untuk menentang kezaliman. Berhubung dengan peristiwa ini Rasulullah s.a.w. bersabda:

لقد شهدت في دار عبدالله بن جدعان حلفا ما أحب
أن لي به حمرا نعم ولو ادعى به في الإسلام لأجبت
رواه ابن اسحاق

Ertinya:

Sesungguhnya aku telah menyaksikan di rumah Abdullah bin Jad' an suatu pakatan yang aku sangat suka kepadanya seperti sayang kepada unta merah (barang sangat berharga) kalau aku di ajak kepadanya di zaman Islam nescaya aku menyahutnya. Hadith riwayat Ibn Ishaq.

Oleh itu, maka TAHALUF menjadi suatu perkara yang berlaku dalam perjalanan Harakah Islamiyah menurut keperluan dan cabaran yang berlaku di zaman masing-masing. Dan perlu dibuat suatu kajian yang lebih mendalam dan dimuzakarakannya dengan teliti supaya langkah yang diambil tidak bercanggah dengan perinsip Islam yang mesti ditegaskan dalam semua keadaan.

Hukum Tahaluf:

Tahaluf () diizinkan oleh Shara' apabila melengkapinya syarat-syaratnya. Bagi mendalami syarat-syaratnya hendaklah dikaji perbezaan di antara tahaluf yang dilangsungkan dan tahaluf yang ditolak oleh Rasulullah s.a.w.

Syarat-syarat Tahaluf:

1. Membawa maslahat dan tidak mengikat sehingga menjejaskan prinsip.

Dalilnya ialah:

(a) Hubungan Rasulullah s.a.w. dengan keluarganya dari kalangan Bani Hashim dan Bani Abdul Muttalib khasnya Abu Talib walaupun mereka tidak memeluk Islam, tetapi mereka mempertahankan Rasulullah s.a.w. dengan bersedia untuk berkorban apa saja. Tetapi apabila Abu Talib membuat suatu kenyataan seolah-olah supaya Rasulullah s.a.w. bertolak ansur dalam perkara prinsip maka dengan tegas Baginda bersabda:

يا عم! لو وضعت الشمس في يميني والقمر في يساري على
أن أترك هذا الأمر حتى يظهر الله أو أهلك دونه ما تركته

Ertinta:

Hai bapa saudara kesayanganku, Demi Allah! Kalau mereka meletakkan matahari di kananku dan bulan di kiriku agar aku meninggalkan urusan ini (meninggalkan Islam), nescaya aku tidak akan meninggalkannya sehinggalah Allah memberi kemenangan kepada ugamaNya atau pun aku mati kerananya.

Akhirnya Abu Talib dan keluarganya, kecuali Abu Lahab, mengambil keputusan mempertahankan Rasulullah s.a.w.

(b) Hubungan di antara Abu Bakar al-Siddiq r.a. dengan Ibn al-Daghnaah yang bersedia untuk memberi perlindungan kepadanya dibatalkan apabila Ibn al-Daghnaah mensyaratkan kepada Abu Bakar jangan membaca Quran di luar rumah kerana boleh mempengaruhi orang lain kepada Islam.

Contoh Maslahat Yang Diizinkan:

1. Ke arah kedaulatan Islam dan pelaksanaan shari'atnya:

Dalam demokrasi, kegagalan ideologi-ideologi asing dan kebuntuannya menyelesaikan masalah, terdapat kumpulan orang-orang Islam yang jahil dan terjebak dengan ideologi-ideologi bukan Islam, dan kumpulan bukan Islam yang memberi kesempatan kepada pelaksanaan Islam, maka mestilah diadakan hubungan dengan mereka ke arah kerjasama - memberi sokongan kepada perjuangan kita dalam pilihanraya, dan persidangan Dewan dan sebagainya dengan syarat mereka bersedia untuk menerima kepimpinan Islam, mengakui kedaulatannya dan pelaksanaannya dengan sepenuhnya, dan kita tidak memaksa mereka. Dalilnya ialah perjajinan Rasulullah s.a.w. di Madinah dengan orang-orang Yathrib.

2. Menentang kezaliman, penyelewengan dan keruntuhan moral:

Merupakan perkara-perkara yang dirasai akibatnya oleh semua golongan termasuk juga golongan bukan Islam, maka boleh diadakan "persefahaman" dalam perkara ini, seperti bekerjasama mendesak untuk dibebaskan tahanan dan sebagainya, kerana Rasulullah s.a.w. mengiktiraf "Hilful-Fudhul", mengakui "Pakatan dan Persefahaman" golongan yang menentang perjanjian memulau keluarga Rasulullah s.a.w. walaupun mereka tidaklah sampai ke peringkat mengakui kedaulatan Islam. Dan sabda Rasulullah s.a.w.:

Ertinya:

Tolonglah saudaramu yang zalim atau yang dizalimi.

3. Mengakui kepimpinan Islam dan tidak menjejaskan mata tiamat perjuangan:

Dalilnya;

i. Rasulullah s.a.w. menanggukkan "tahaluf" dengan Bani Shayban apabila mereka tidak bersedia untuk bersama-sama menegakkan Negara Islam dan mempertahankannya di mana Bani Shayban menyatakan ia tidak sanggup menghadapi golongan Quraish, tetapi sanggup menghadapi qabilah Arab sahaja.

ii. Rasulullah s.a.w. membatalkan cadangan untuk "bertahaluf" dengan Bani 'Amir apabila mereka mahu berkongsi jawatan kepimpinan negara tanpa menerima Islamnya.

4. Tidak berwala' kepada musuh dan tidak redza dengan pegangan mereka.

Di antaranya ialah mengakui kepimpinan orang-orang yang bukan Islam dan berkawan dengan musuh- musuh Islam untuk memerangi orang-orang Islam. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah A-li 'Imran (3), ayat 28:

لا يتخذ المؤمنون الكافرين أولياء من دون المؤمنين ومن يفعل ذلك فليس من الله في شيء إلا أن تتقوا منهم تقاة ويحذركم الله نفسه وإلى الله المصير

Ertinya:

Janganlah orang-orang yang beriman itu mengambil orang-orang kafir sebagai "wali" dengan meninggalkan orang-orang yang beriman, dan barangsiapa berbuat demikian maka lepaslah adari Allah, melainkan kerana memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka itu, dan Allah memperingatkan kamu terhadap diriNya (siksaNya), dan hanya kepada Allah kembalimu.

"Berwali" maknanya menjadikannya sebagai pemimpin, teman yang akrab, pelindung atau penolong. Keadaan takut adalah darurat, kesetian dalam keadaan itu dilahirkan secara zahir tetapi hatinya tidak redza di samping berusaha untuk membebaskan diri dengan merancang bagi meneruskan perjuangan dengan berhijrah dan sebagainya.

Muwada'ah: ()

Di sana terdapat satu "Persefahaman" secara sementara waktu dengan golongan yang bermusuhan kerana masalahat (). Persefahaman ini dinamakan "Muwada'ah" dan ada juga ulama yang meletakkan dalam perkara "Hudnah" () iaitu "genjatan senjata". Disebut di dalam Sharh di antara matlamatnya ialah; Mengharapkan mereka masuk Islam, atau mereka akan membayar jizyah atau menolong kerana memerangi golongan yang lain. Tetapi para ulama bertelingkah menentukan tempoh masa iaitu ada yang menghadkan empat bulan dan ada juga yang mengharuskan darurat iaitu diantaranya kerana orang-orang Islam masih berada dalam kelemahan. Adapun jika tiada apa-apa masalahat atau mudaratnya lebih banyak dari masalahat, maka ianya tidak diharuskan.

Isti'anah: ()

Isti'anah bermakna memintak bantuan atau pertolongan. Apabila adanya "persefahaman" maka berlakulah tolong menolong; yakni mereka berjanji untuk menolong kita dan kita pun berjanji untuk menolong mereka.

Mereka menolong kita:

Pertolongan orang-orang munafiq dan fasiq, kerana Rasulullah s.a.w. membenarkan Abdullah bin Ubay () menyertai peperangan bersama-samanya. Dan kisah penyertaan Abu Muhan () yang mabuk dalam peperangan menentang Parsi.

Adapun mengenai pertolongan daripada orang-orang kafir, maka terdapat perselisihan pendapat di kalangan para ulama:

Imam Malik dan Imam Ahmad ibn Hanbal udak mengharuskannya secara mutlak. Manakala Imam Abu Hanifah mengharuskannya dengan syarat orang Islam yang menguasai urusan. Adapun Imam Shafi'e pula mengharuskannya dengan dua syarat, iaitu:

- i. Apabila orang Islam dalam keadaan lemah.
- ii. Apabila didapati orang bukan Islam itu mencerung kepada Islam dan memandang baik terhadapnya, maka dibenarkan dia memberi pertolongan dengan diberi imbohan tetapi bukannya bahagian ghanimah.

Kita Menolong Mereka:

Menurut al-Sarkhasi () di dalam kitabnya al-Mabsut () dan al-Shaybani di dalam kitabnya al-Sairul Kabir (); Rasulullah s.a.w. dilaporkan menghantar, lepas Hijrah, kepada Abu Sufyan dan mengutus lima ratus dinar ke Mekah supaya dibahagi-bahagikan kepada orang yang perlu dibantu ketika Mekah dilanda kemarau. Menurut Ibn Qayyim al-Jawzi di dalam kitabnya Zad al-Ma'ad () iaitu apabila Thumamah () r.a., pemimpin Bani Huzaifah, memeluk Islam, beliau memerintah supaya jangan dihantar bekalan gandum ke Mekah sehingga Mekah

berada dalam kesempitan hidup, lalu pemimpin-pemimpin Mekah merayu kepada Rasulullah s.a.w. supaya menasihatkan Thumamah menghentikan sekatannya.

Kesimpulan:

"Tahaluf" itu bolehlah dibahagikan menurut keadaan seperti berikut:-

- i. Dalam peringkat membentuk Kerajaan hendaklah dengan syarat:
 - i. Kepentingan mestilah di tangan Islam,
 - ii. Mengiktiraf Negara Islam, dan
 - iii. Menerima perlembagaan Islam dan Shari'atnya.

Tahaluf Tanpa Membentuk Kerajaan:

- i. Kerana maslahat untuk menghadapi musuh yang lebih besar,
- ii. Masalah bersama untuk menentang kezaliman, penyelewengan, membebaskan orang-orang tahanan dan sebagainya,
- iii. Berlindung sementara di masa lemah,
- iv. Tidak terikat dengan syarat yang bercanggah dengan Islam dan kepentingan Harakah Islamiyyah.

Perhatian:

Di dalam situasi sekarang hendaklah diberi perhatian kepada beberapa perkara yang boleh menjejaskan maslahat, di antaranya ialah:

- i. Matlamat menegakkan Negara Islam adalah sangat penting dalam seterataji yang diambil oleh Harakah Islamiyyah. Oleh itu, jangan terikat dengan janji yang menghalangnya, atau syarat-syarat yang mengikat.
- ii. Mengutamakan persefahaman dengan kumpulan-kumpulan Is-

lam yang berpengaruh dan mempunyai titik pertemuan dalam perkara prinsip yang boleh dipercayai, bukannya yang lemah tidak berperanan. Kemudian itu dengan kumpulan-kumpulan bukan Islam,

iii. Kita sedang berdepan dengan masyarakat yang cetek fahamanya terhadap Islam. Mereka tidak tahu perbezaan di antara Islam dan perbandingannya dengan ideoloji-ideoloji lain. Oleh itu, golongan Islam hendaklah mempunyai shaksiyah yang kuat yang membezakan mereka dengan parti-parti lain, dan perlu diberi kefehamaan tentang peradaban Islam dengan ideoloji-ideoloji moden. Kalau tidak maku "tahluf" dengan kumpulan bukan Islam lebih member kesan negatif.

iv. Persefahaman dengan kumpulan-kumpulan bukan Islam tidak berpanjangan, sama ada mereka akan menerima Islam atau pertarungan akan berlaku juga akhirnya. Oleh itu hendaklah membuat ikatan-ikatan yang longgar yang tidak membelanggukan kita di belakang hari.

v. Di sana akan dikeluarkan kenyataan-kenyataan bersama yang perlu ditimbang dengan teliti dan tegas dari sisi prinsip kita, kerana kenyataan-kenyataan itu bukan sahaja mengikut selera kita tetapi juga menurut selera mereka. Berwaspadalah terhadap tipu daya mereka dengan bergantung kepada Aallah s.w. dan kebijaksanaan kurniaNya.

Penutup:

Nas-nas yang dikaji menunjukkan bahawa "tahluf" boleh dilakukan secara melibatkan gerakan menguasai negara secara menyeluruh dan secara khusus menghadapi isu-isu atau situasi yang khusus dengan memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas.

Disediakan oleh;

Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
pada 19 Safar 1409 Hijrah/
7 Oktober 1988 Miladiyah.

AT-TAFAHUM AS-SIASI PERSEFAHAMAN POLITI DALAM PILIHANRAYA

1.0 Takrif:

Persefahaman politik yang dimaksudkan di sini merupakan suatu bentuk kerjasama politik di antara PAS dengan kumpulan-kumpulan dan parti-parti yang bergabung dalam parti Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) dengan tujuan untuk menggabung kekuatan bagi mengalahkan Barisan Nasional dalam pilihanraya akan datang.

2.0 Tujuan:

Kerjasama dalam bentuk persefahaman ini adalah bertujuan;

- 2.1 Untuk menyatupadukan kekuatan-kekuatan umat Islam yang berselerak dalam badan-badan dakwah, kumpulan-kumpulan dan parti-parti politik supaya berjuang di atas dasar dan kaedah Islam.

- 2.2 Untuk menggabungkan kekuatan ummah bagi mengalahkan Barisan Nasional dalam pilihanraya akan datang.

3.0 Bekerjasama:

Bekerjasama dalam pilihanraya dengan Angkatan di mana calon-calon yang bertanding bantu-membantu di antara PAS dengan Angkatan. Dengan ertikata di mana calon-calon PAS bertanding, tidak ada calon daripada Angkatan bertanding dan penyokong-penyokong Angkatan hendaklah membantu dan mengundi calon PAS, dan begitulah sebaliknya.

4.0 Angkatan:

Angkatan ialah singkatan daripada parti Angkatan Perpaduan Ummah. Parti ini sedang dalam proses pendaftaran dengan pihak pendafatar pertubuhan. Ianya merupakan gabungan parti-parti politik dan kumpulan Semangat 46 tetapi tidak termasuk PAS.

5.0 Sebab-Sebab Persefahaman:

5.1 Dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas, PAS adalah kescorangan dan terencil dalam menghadapi Barisan Nasional. Akibatnya PAS tidak dapat menewaskan Barisan Nasional walaupun di negeri-negeri yang menjadi kubu kuat PAS seperti Kelantan, Trengganu dan Kedah, bahkan pencapaian-pencapaian pengaruh secara purata semakin merosot dalam negeri-negeri tersebut.

5.2 Pencapaian purata pengaruh PAS tidak dapat memberi ancaman yang kuat kepada pengaruh Barisan Nasional. Pencapaian pengaruh PAS dalam pilihanraya umum 1986 di seluruh negara berdasarkan jumlah undi yang didapati oleh PAS ialah:

UNDI PAS (PERLIMEN)		UNDI PAS (NEGERI)	
JUMLAH	%	JUMLAH	%
716,952	= 15.50	710,068	= 19.32

BP	KP	M	K	HD	JHD
Par	98	1	97	21	S105,000
Neg	265	15	250	42	S126,000

- BP Bahagian Pilihanraya,
 KP Kerusi yang dipertandingkan,
 M Menang,
 K Kalah,
 HD Hilang Deposit,
 JHD Jumlah \$ Hilang Deposit.
 Par Parlimen.
 Neg Negeri

Bandingkan pengaruh PAS dalam pilihanraya Negeri 1982 -1986 di negeri-negeri kubu kuat PAS.

N/T	JP	KM%	PAS	%	BN	%
Ter. 1982	242,092	77.65	76,865	40.89	106,535	56.67
1986	273,345	78.66	83,186	39.73	124,194	60.08
Kel. 1982	394,127	78.77	144,789	46.64	158,517	51.06
1986	469,528	75.49	157,748	46.02	183,177	53.80
Ked. 1982	541,924	75.39	152,063	35.66	254,369	62.29
1986	598,594	73.01	149,546	35.32	256,699	60.63

N/T	Negeri & Tahun,
JP	Jumlah Pemilih,
KM%	Peratus Keluar Mengundi,
Ter	Trengganu,
Kel	Kelantan,
Ked	Kedah.

5.3 Bagi mencapai kekuatan yang secukupnya untuk mengalahkan Barisan Nasional - dengan izin Allah - dalam pilihanraya yang akan datang, sangatlah mustahak disatukan kekuatan umat Islam ke dalam satu Jabhah (front) dan memencilkan UMNO daripada parti-parti dan kumpulan-kumpulan orang Melayu/Islam yang lain; sebagaimana UMNO telah berjaya memencilkan PAS selama ini daripada parti-parti dan kumpulan-kumpulan Islam/Melayu.

6.0 Sebab-Sebab PAS Berunding Dengan Angkatan Semangat 46 Terlebih Dahulu:

6.1 Untuk melemahkan kekuatan parti UMNO - yang mana Angkatan Semangat 46 adalah merupakan serpihannya. Kalau dapat dikekalkan perpecahan, UMNO akan bertambah lemah.

6.2 Angkatan Semangat 46 merupakan satu kumpulan orang politik yang bergerak dalam bidang politik dan mempunyai pengaruh serta pengikut di kalangan ahli-ahli UMNO lama dan orang ramai lebih daripada parti dan kumpulan lainnya.

6.3 Kumpulan ini sangat arif dengan tektik dan strategi parti UMNO.

6.4 Kumpulan ini sangat arif dengan keburukan dan penyelewengan yang berlaku dalam kerajaan Barisan Nasional.

7.0 Persetujuan Asas Yang Telah Dipersetujui Bersama:

7.1 Angkatan Semangat 46 menerima dasar perjuangan Islam -Islam sebagai al-Din -menjadi suatu sistem yang menyeluruh.

7.2 PAS memerintah Kedah, Kelantan dan Trengganu

(secara majority).

7.3 PAS bertanding dalam pilihanraya atas nama PAS dengan simbol "Bulan Pernama".

7.4 Manifesto dalam pilihanraya diadakan dalam satu bentuk sahaja (yang dipersetujui/ dibuat oleh PAS).

7.5 Peruntukan kerusi dan kawasan DUN dan parlimen di negeri-negeri Trengganu, Kelantan dan Kedah diserahkan kepada perhubungan PAS negeri-negeri tersebut untuk berunding dengan Angkatan di peringkat negeri.

7.6 Mana-mana kawasan DUN dan parlimen yang tidak dapat diselesaikan di peringkat negeri hendaklah diangkat kepada Jawatankuasa Pusat masing-masing untuk diselesaikan.

8.0 Pandangan Hukum Islam Tentang Persefahaman Politik (Al-Tafahum al-Siasi):

8.1 Jawatankuasa kerja PAS Pusat telah memberi amanah kepada al-Fadhil Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, Timbalan Yang Dipertua PAS Pusat untuk membuat kajian khas mengenai hukum tentang persefahaman politik.

8.2 Al-Fadhil Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah membuat kajian tentang al-Tahaluf al-Siasi mengenai persefahaman di antara gerakan Islam dengan kumpulan atau parti orang-orang Islam yang belum menerima Islam sebagai dasar perjuangan mereka dan dengan kumpulan atau parti orang-orang bukan Islam.

8.3 Kertas kerja tersebut telah dibahas oleh Dewan Ulama PAS Pusat dan Majlis Syura Ulama PAS dengan mendalam. Hasilnya, dengan sebulat suara diputuskan bahawa hukum bertahaluf untuk kepentingan Islam atau dakwah Islamiyah adalah harus dengan beberapa tanbihat. [kertas kerja tersebut dilampirkan bersama-sama ini].

8.4 Perhatian: Al-Tafahum al-Siasi atau Persefahaman Politik di dalam pilihanraya yang PAS sedang rundingkan ini adalah

lebih ringan dan longgar daripada al-Tahaluf al-Siasi yang termaktub dalam kertas kerja Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, kerana persefahaman politik ini berlaku di antara gerakan Islam dengan kumpulan atau parti orang-orang Islam yang telah menerima Islam sebagai dasar perjuangan mereka. Al-Tahaluf al-Siasi ialah Ijtihad Siasi daripada al-umur al-ijthadiyah.

9.0 **Penutup:**

Walaupun Dewan Ulama PAS Pusat, Majlis Syura Ulama dan jawatankuasa kerja PAS pusat telah memutuskan sebulat suara tentang hukum al-Tafahum al-Siasi ini harus dan lebih banyak menguntungkan kepada perjuangan Islam dan PAS, tetapi oleh kerana ianya daripada "al-umur al-ijthadiyah", masih ada pandangan-pandanganperscorangan di kalangan ahli-ahli PAS yang mempertikaikan keputusan jama'ah ini.

Adalah mustahil untuk mencapai sebulat kata seratus peratus dalam perkara ijthadiyah ini di kalangan ahli-ahli PAS. Maka diharapkan keputusan jama'ah itu dapat dipatuhi mengikut lunas-lunas Islam. Tambahan pula strategi atau pendekatan seperti ini telah diputus secara sebulat suara oleh Muktamar Tahunan PAS yang ke 35 pada 31hb. Mac, 1 dan 2hb. April 1989 baru-baru ini.

Disediakan oleh:
BADAN PERHUBUNGAN PAS NEGERI KELANTAN.





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(١) هَذَا كِتَابٌ مِنْ مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ، رَسُولِ اللَّهِ، بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ مِنْ قُرَيْشٍ، وَأَهْلِ يَثْرِبٍ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ، فَلِحَقِّ بِهِمْ، وَجَاهِدْ مَعَهُمْ.

FASAL 1

Dengan nama Allah Maha Pemurah lagi Penyayang: Inilah Kitab (Piagam Bertulis) dari Nabi Muhammad, Pesuruh Allah demi bagi orang-orang yang beriman dan orang-orang yang memeluk Islam dari Quraisy dengan penduduk-penduduk Yathrib dan orang-orang yang bersama mereka lalu masuk ke dalam golongan mereka dan berjuang bersama-sama mereka.

(٢) أَنَّهُمْ أُمَّةٌ وَاحِدَةٌ مِنْ دُونِ النَّاسِ.

FASAL 2

Bahawa mereka adalah satu Umat (Bangsa - Nation) berbeza dari manusia-manusia yang lain.

(٣) الْمُهَاجِرُونَ مِنْ قُرَيْشٍ عَلَى رَبْعَتِهِمْ^(١)، يَتَعَاوَلُونَ^(٢) بَيْنَهُمْ، وَهُمْ يَفْدُونَ عَانِيَهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَالْقِسْطِ بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ.

FASAL 3

Golongan Muhajirin dari Quraisy tetaplah di atas pegangan lama mereka: mereka saling tanggung-menanggung membayar dan menerima wang tebusan (diyat) di antara sesama mereka dalam mana mereka menebus sesiapa yang tertawan dengan cara yang berkeadilan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

(٤) وَبَنُو عَوْفٍ عَلَى رَبْعَتِهِمْ يَتَعَاوَلُونَ مَعَاوَلَهُمِ الْأُولَى، وَكُلُّ طَائِفَةٍ تَفْدِي عَانِيَهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَالْقِسْطِ بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ.

FASAL 4

Bani Auf (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka dalam mana mereka bersama-sama tanggung-menanggung membayar serta menerima wang tebusan seperti dulu; dan setiap taifah (golongan) tetaplah menebus sesiapa yang tertawan dari kalangan mereka sendiri dengan cara berkebijakan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

(٥) وبنو الحارس بن الخزرج على ربعتهم، يتعاقلون معاقلهم الأولى، وكل طائفة تفدي عانيها بالقسط والمعروف بين المؤمنين.

FASAL 5

Banu al-Harith (dari Yathrib – Madinah) bin al-Khazraj tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dulu, dan tiap-tiap puak dari (suku Khazraj) hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan adil dan berkebijakan di kalangan orang-orang yang beriman.

(٦) وبنو ساعدة على ربعتهم، يتعاقلون معاقلهم الأولى، وكل طائفة تفدي عانيها بالمعروف والقسط بين المؤمنين.

FASAL 6

Banu Sa'idah (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dulu, dan setiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkebijakan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

(٧) وبنو جُشم على ربعتهم، يتعاقلون معاقلهم الأولى، وكل طائفة تفدي عانيها بالمعروف والقسط بين المؤمنين.

FASAL 7

Banu Jusyam (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu, dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk diri mereka sendiri dengan berkebijakan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

(٨) وبنو النُّجَارِ عَلَى رِبْعَتِهِمْ، يَتَعَاوَلُونَ مَعَاقِلَهُمُ الْأُولَى، وَكُلُّ طَائِفَةٍ تَفْدِي عَانِيَهَا بِالْمَعْرُوفِ وَالْقِسْطِ بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ.

FASAL 8

Banu al-Najjar (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dulu, dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk diri mereka sendiri dengan berkebijakan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

(٩) وبنو عمرو بن عوف على ربعتهم، يتعاقلون معاقلهم الأولى، وكل طائفة تفدي عانيها بالمعروف والقسط بين المؤمنين.

FASAL 9

Banu 'Amru bin 'Auf tetaplah dengan pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dulu, dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkebijakan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

(١٠) وبنو النُّبَيْتِ عَلَى رِبْعَتِهِمْ، يَتَعَاوَلُونَ مَعَاقِلَهُمُ الْأُولَى، وَكُلُّ طَائِفَةٍ تَفْدِي عَانِيَهَا بِالْمَعْرُوفِ وَالْقِسْطِ بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ.

FASAL 10

Banu al-Nabiet (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dulu dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk diri mereka sendiri dengan berkebijakan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

(١١) وبنو الأوس على ربعتهم، يتعاقلون معاقلهم الأولى، وكل طائفة تفدي عانيها بالمعروف والقسط بين المؤمنين.

FASAL 11

Banu Aus (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dulu dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk diri mereka sendiri dengan berkebijakan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

(١٢) وأن المؤمنين لا يتركون مفرحاً^(١) بينهم أن يعطوه بالمعروف في فداء، أو عقل.^(٢)

FASAL 12

Bahawa orang-orang yang beriman tidaklah boleh membiarkan sebarang masalah di antara mereka sendiri bahkan mestilah sama-sama bertanggungjawab memberi sumbangan, dengan berkebijakan, untuk membayar wang tebusan darah dengan adil.

(١٢ب) وأن لا يُخالف^(٢) مؤمن مولى مؤمن دونه.

FASAL 12 (b)

Hendaklah seseorang yang beriman itu tidak membuat apa-apa perjanjian dengan orang yang di bawah kawalan

seseorang yang beriman yang lain dengan tidak mendapat persetujuannya terlebih dahulu.

(۱۳) وَأَنْ الْمُؤْمِنِينَ الْمُتَّقِينَ، أَيْدِيهِمْ عَلَى كُلِّ مَنْ بَغَى مِنْهُمْ، أَوْ ابْتغَى دَسِيعَةً^(۱) ظَلَمَ، أَوْ إِثْمًا، أَوْ عَدْوَانًا، أَوْ فِسَادًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ، وَأَنْ أَيْدِيَهُمْ عَلَيْهِ جَمِيعًا، وَلَوْ كَانَ وَلَدٌ أَحَدِهِمْ.

FASAL 13

Bahawa orang-orang yang beriman lagi bertakwa, hendaklah menentang sesiapa yang membuat kesalahan, melanggar kesusilaan, melakukan kezaliman, atau dosa, atau perseteruan, atau kerosakan di kalangan orang-orang yang beriman, dan mereka hendaklah bersatu sama-sama menentang orang tersebut walaupun jika orang itu adalah anak kepada salah seorang dari mereka.

(۱۴) وَلَا يَقْتُلْ مُؤْمِنٌ مُؤْمِنًا فِي كَافِرٍ، وَلَا يَنْصُرْ كَافِرًا عَلَى مُؤْمِنٍ.

FASAL 14

Tidak sayugianya seseorang mukmin itu membunuh seorang mukmin yang lain kerana seorang kafir; dan tidak juga sayugianya ia menolong mana-mana orang kafir terhadap seorang mukmin.

(۱۵) وَأَنْ ذِمَّةَ اللَّهِ وَاحِدَةٌ، يَجِيرُ عَلَيْهِمْ أَدْنَاهُمْ، وَأَنْ الْمُؤْمِنِينَ بَعْضُهُمْ مَوَالِي بَعْضٍ، دُونَ النَّاسِ.

FASAL 15

Bahawa jaminan Allah itu adalah satu dan sama; ia melindungi nasib orang yang lemah dari perbuatan mereka; dan bahawa orang-orang mukmin hendaklah saling menjamin sesama sendiri terhadap (gangguan) orang-orang lain.

(۱۶) وَأَنْهُ مَنْ تَبِعْنَا مِنْ يَهُودٍ، فَإِنْ لَهُ النَّصْرَ وَالْأَسْوَةَ، غَيْرَ مَظْلُومِينَ وَلَا مُتَنَاصِرِينَ عَلَيْهِمْ.

FASAL 16

Bahawa orang-orang Yahudi yang menyertai kita hendaklah mendapat pertolongan dan pimpinan dengan tidak dizalimi dan tidak boleh ada pakatan tidak baik terhadap mereka.

(١٧) وَأَنْ سَلِمَ الْمُؤْمِنِينَ وَاحِدَةً، لَا يَسَالِمُ مُؤْمِنٌ دُونَ مُؤْمِنٍ فِي قِتَالٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، إِلَّا عَلَى سَوَاءٍ وَعَدْلٍ بَيْنَهُمْ.

FASAL 17

Bahawa perdamaian orang-orang mukmin itu adalah satu dan sama; oleh itu tidak boleh dibuat perjanjian dengan mana-mana orang mukmin tanpa disertai oleh mukmin yang lain dalam sesuatu perang pada jalan Allah, melainkan dengan dasar persamaan dan keadilan di kalangan mereka.

(١٨) وَأَنْ كُلَّ غَازِيَةٍ^(١٤) غَزَتْ مَعَنَا يُعَقَّبُ بِعَظْمِهَا بَعْضًا^(١٥).

FASAL 18

Bahawa setiap serangan terhadap kita hendaklah di-kira sebagai serangan terhadap semua; oleh itu hendaklah disilihgantikan tenaga menentanginya.

(١٩) وَأَنْ الْمُؤْمِنِينَ يُبِيءُ^(١٦) بَعْضُهُمْ عَنِ بَعْضٍ، بِمَا نَالَ دِمَاءَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

FASAL 19

Bahawa orang-orang mukmin, hendaklah saling membela sesama mereka atas setiap darah yang tumpah pada jalan Allah.

(٢٠) وَأَنْ الْمُؤْمِنِينَ الْمُتَّقِينَ عَلَى أَحْسَنِ هُدًى وَأَقْوَمِهِ.

FASAL 20

Bahawa orang-orang mukmin lagi bertakwa hendaklah teguh di atas sebaik-baik petunjuk dan seteguh-teguhnyanya.

(٢٠ب) وَأَنْ لَا يَجِيرَ مَشْرِكٌ مَالًا لِقَرِيْشٍ، وَلَا نَفْسًا، وَلَا يَحْوِلَ دُونَهُ عَلَى مُؤْمِنٍ.

FASAL 20 (b)

Bahawa tidak boleh mana-mana orang musyrik melindungi harta orang-orang Quraisy dan tidak juga nyawa mereka, dan tidak boleh menghalang orang mukmin (akan haknya).

(٢١) وَأَنَّهُ مَنْ اعْتَبَطَ^(٢١) مُؤْمِنًا قَتْلًا عَنِ بَيْتِهِ، فَإِنَّهُ قَوْدٌ^(٢٢) بِهِ، إِلَّا أَنْ يَرْضَىٰ وَلِيُّ الْمَقْتُولِ بِالْعَقْلِ، وَأَنَّ الْمُؤْمِنِينَ عَلَيْهِ كَافَةٌ، وَلَا يَحِلُّ لَهُمْ إِلَّا قِيَامٌ عَلَيْهِ.

FASAL 21

Barangsiapa membunuh dengan sewenang-wenangnya akan seorang mukmin dengan tidak ada bukti yang cukup hendaklah dihukum bunuh balas kecuali jika dipersetujui oleh wali yang kena bunuh menerima ganti darah. Semua orang mukmin hendaklah bersatu suara mengutuk perbuatannya itu, bahkan tidak harus bagi mereka melainkan menegakkan terhadapnya.

(٢٢) وَأَنَّهُ لَا يَحِلُّ لِمُؤْمِنٍ أَقْرَبُ بِهَا فِي هَذِهِ الصَّحِيفَةِ، وَأَمَّنْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، أَنْ يَنْصُرَ مُجِدِّدًا^(٢٣)، أَوْ يُؤْوِيَهُ. وَأَنْ مَنْ نَصَرَهُ، فَإِنَّ عَلَيْهِ لَعْنَةَ اللَّهِ وَغَضَبَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ. وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهُ عَدْلٌ وَلَا صَرْفٌ^(٢٤).

FASAL 22

Bahawa tidak harus bagi mana-mana orang mukmin yang mengakui isi kandungan Piagam ini, dan percaya kepada Allah dan hari kemudian, menolong mana-mana orang yang mencabul atau pun melindungi orang itu. Barangsiapa menolong orang itu maka ke atasnya laknat Allah dan kemurkaannya pada hari kiamat kelak, dan tidak akan diterima daripadanya sebarang tebusan dan tidak juga sebarang taubat.

(٢٢) وأنكم مهبا اختلفتم فيه من شيء، فإن مرده إلى الله وإلى محمد.

FASAL 23

Walau bagaimana berbalahnya kamu sekalipun dalam sesuatu perkara hendaklah merujuk perkara itu kepada Allah dan kepada Muhammad.

(٢٤) وأن اليهود يتفقون مع المؤمنين، ما داموا محاربين.

FASAL 24

Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah turut membelanja bersama-sama dengan orang-orang mukmin selama mana mereka itu berperang.

(٢٥) وأن يهود بني عوف أمة مع المؤمنين، لليهود دينهم، وللمسلمين دينهم، مواليهم وأنفسهم، إلا من ظلم وأثم، فإنه لا يوتغ^(٧) إلا نفسه وأهل بيته.

FASAL 25

Bahawa kaum Yahudi dari Banu Auf adalah satu ummah bersama orang-orang mukmin; mereka bebas dengan agama mereka sendiri, dan orang-orang Islam dengan agama mereka, begitu juga orang-orang yang bersekutu dengan mereka dan begitu juga diri mereka sendiri, melainkan sesiapa yang zalim dan berbuat dosa maka hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya sendiri.

(٢٦) وأن ليهود بني النجار مثل ما ليهود بني عوف.

FASAL 26

Yahudi Bani al-Najjar (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.

(۲۷) وَأَنْ لِيَهُودِ بَنِي الْحَارِثِ مِثْلَ مَا لِيَهُودِ بَنِي عَوْفٍ.

FASAL 27

Yahudi Bani al-Harith (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.

(۲۸) وَأَنْ لِيَهُودِ بَنِي سَاعِدَةَ مِثْلَ مَا لِيَهُودِ بَنِي عَوْفٍ.

FASAL 28

Yahudi Bani Saidah (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.

(۲۹) وَأَنْ لِيَهُودِ بَنِي جُشَمٍ مِثْلَ مَا لِيَهُودِ بَنِي عَوْفٍ.

FASAL 29

Yahudi Bani Jusyaim (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.

(۳۰) وَأَنْ لِيَهُودِ بَنِي الْأَوْسِ مِثْلَ مَا لِيَهُودِ بَنِي عَوْفٍ.

FASAL 30

Yahudi Bani al-Aus (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.

(۳۱) وَأَنْ لِيَهُودِ بَنِي ثَعْلَبَةَ مِثْلَ مَا لِيَهُودِ بَنِي عَوْفٍ، إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَأْتَمَّ، فَإِنَّهُ لَا يُوْتَعُ إِلَّا نَفْسَهُ، وَأَهْلَ بَيْتِهِ.

FASAL 31

Yahudi Bani Tha'labah (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf, kecuali orang yang zalim dan orang yang berbuat dosa maka hal itu tidak akan menimpa melainkan diri dan keluarganya sendiri.

(۳۲) وَأَنْ جَفْنَةَ بَطْنٍ مِنْ ثَعْلَبَةَ كَأَنْفُسِهِمْ.

FASAL 32

Bahawa aku Jafnah yang bertalian keturunan dengan Yahudi Bani Tha'labah (diperlakukan) sama dengan mereka itu (Bani Tha'labah).

(٣٢) وَأَنْ لِّبَنِي الشُّطَيْبَةِ مِثْلَ مَا لِيَهُودِ بَنِي عَوْفٍ، وَأَنْ الْبِرُّ دُونَ الْإِثْمِ: (١)

FASAL 33

Banu Shutaibah (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf; dan sikap yang baik hendaklah membendung segala kejahatan.

(٣٤) وَأَنْ مَوَالِيَ ثَعْلَبَةَ كَأَنْفُسِهِمْ.

FASAL 34

Bahawa orang-orang yang bersekutu dengan Yahudi Bani Tha'labah (diperlakukan) sama dengan mereka itu.

(٣٥) وَأَنْ بَطَانَةَ يَهُودٍ كَأَنْفُسِهِمْ.

FASAL 35

Bahawa para pegawai kepada orang-orang Yahudi (diperlakukan) sama dengan orang-orang Yahudi itu sendiri.

(٣٦) وَأَنْهُ لَا يُخْرَجُ مِنْهُمْ أَحَدٌ إِلَّا بِإِذْنِ مُحَمَّدٍ.

FASAL 36

Tiada seorang pun yang menyertai Piagam ini boleh menarik diri keluar dari pakatan mereka melainkan dengan persetujuan dari Muhammad.

(٣٦ ب) وَأَنْهُ لَا يَنْحَجِزُ^(٢) عَلَى نَارِ جَرْحٍ، وَأَنْهُ مِنْ فِتْنِكَ^(١) فَبِنَفْسِهِ وَأَهْلَ بَيْتِهِ، إِلَّا مَنْ ظَلَمَ، وَأَنْ اللَّهَ عَلَى أَيْرٍ هَذَا.

FASAL 36 (b)

Tidak boleh disekat dari membalas kelukaan yang dilakukan oleh mana-mana orang ke atas dirinya, dan barangsiapa membuat kejahatan maka balasannya adalah ke atas dirinya dan keluarganya kecuali orang yang dizalimi, dan bahawa Allah akan melindungi orang yang menghormati Piagam ini.

(٢٧) وَأَنْ عَلَى الْيَهُودِ نَفَقَتِهِمْ، وَعَلَى الْمُسْلِمِينَ نَفَقَتِهِمْ، وَأَنْ بَيْنَهُمُ
النَّصْرُ^(*) عَلَى مَنْ حَارَبَ أَهْلَ هَذِهِ الصَّحِيفَةِ، وَأَنْ بَيْنَهُمُ النَّصْحُ
وَالنَّصِيحَةُ وَالْبِرُّ دُونَ الْإِثْمِ^(*).

FASAL 37

Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah membiayai negara sepertimana orang-orang Islam juga hendaklah membiayai negara; dan hendaklah mereka sama-sama tolong-menolong menentang sesiapa jua yang memerangi orang-orang yang menganggotai Piagam ini; dan hendaklah mereka saling nasihat-menasihati, sama-sama membuat kebajikan terhadap perbuatan dosa.

(٢٧ب) وَأَنَّهُ لَا يَأْتُمُ امْرُؤٌ بِحَلِيفَةٍ، وَأَنْ النَّصْرَ لِلْمَظْلُومِ.

FASAL 37 (b)

Mana-mana orang tidaklah boleh dianggap bersalah kerana kesalahan yang dilakukan oleh sekutunya; dan pertolongan hendaklah diberi kepada orang yang dizalimi.

(٢٨) وَأَنْ الْيَهُودَ يَنْفِقُونَ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ مَا دَامُوا مُحَارِبِينَ.

FASAL 38

Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah memikul biayaan bersama-sama orang-orang mukmin selama mana mereka berada dalam keadaan perang.

(۳۹) وَأَنْ يَثْرَبَ حَرَامٌ جَوْفَهَا^(۷) لِأَهْلِ هَذِهِ الصَّحِيفَةِ.

FASAL 39

Bahawa kota Yathrib adalah terpelihara sempadannya tidak boleh dicerobohi oleh mana-mana pihak yang menganggotai Piagam ini.

(۴۰) وَأَنْ الْجَارَ كَالنَّفْسِ غَيْرِ مَضَارٍ وَلَا أْتَمَّ.

FASAL 40

Bahawa jiran tetangga hendaklah diperlakukan sebagai diri sendiri, tidak boleh dilakukan terhadapnya sebarang bahaya dan juga dosa.

(۴۱) وَأَنْهُ لَا تَجَارَ حَرَمَةٌ^(۸) إِلَّا بِإِذْنِ أَهْلِهَا.

FASAL 41

Tidak boleh dihampiri sebarang kehormatan (wanita) melainkan dengan izin keluarganya sendiri.

(۴۲) وَأَنْهُ مَا كَانَ بَيْنَ أَهْلِ هَذِهِ الصَّحِيفَةِ مِنْ حَدِيثٍ^(۹), أَوْ اسْتِجَارٍ يَخَافُ فُسَادَهُ, فَإِنْ مَرَدَهُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَى مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللَّهِ, وَأَنْ اللَّهَ عَلَى اتَّقِي مَا فِي هَذِهِ الصَّحِيفَةِ وَأَبْرَهُ.

FASAL 42

Bahawa apa juga kemungkarannya (bunuh) atau apa juga pertengkaran di antara sesama peserta Piagam ini sekira-kira dikhuatiri membawa kepada bencana maka hendaklah dirujuk hukum Allah dan kepada penyelesaian oleh Muhammad, Pesuruh Allah dan Allah menyaksi kebaikan isi kandungan Piagam ini dan merestunya.

(٤٣) وَأَنَّهُ لَا تَجَاوَزُ قَرِيْشَ وَلَا مِنْ نَصْرِهَا.

FASAL 43

Bahawa tidaklah boleh diberi perlindungan kepada Quraisy (musuh), begitu juga tidak boleh diberi perlindungan kepada orang-orang yang membantunya.

(٤٤) وَأَنَّ بَيْنَهُمُ النَّصْرَ مِنْ دَهْمٍ يَثْرَبُ.

FASAL 44

Bahawa hendaklah ada janji bantu-membantu mempertahankan kota Yathrib daripada mana-mana pihak yang mencerobohnya.

(٤٥) وَإِذَا دُعُوا إِلَىٰ صِلْحٍ يَصَالِحُونَهُ، وَيَلْبَسُونَهُ^(٢)، فَإِنَّهُمْ يَصَالِحُونَهُ وَيَلْبَسُونَهُ. وَأَنَّهُمْ إِذَا دَعُوا إِلَىٰ مِثْلِ ذَلِكَ، فَإِنَّ لَهُمْ عَلَىٰ الْمُؤْمِنِينَ، إِلَّا مِنْ حَارِبٍ فِي الدِّينِ.

FASAL 45

Apabila mereka diajak untuk berdamai atau untuk masuk campur dalam satu-satu perdamaian maka hendaklah mereka bersedia berdamai atau masuk campur ke dalam perdamaian itu; dan bilamana mereka diajak berbuat demikian maka orang-orang mukmin hendaklah merestuinnya kecuali terhadap orang-orang yang memerangi agama (Islam).

(٤٥ ب) عَلَىٰ كُلِّ أَنَسٍ حَصَّتْهُمْ مِنْ جَانِبِهِمُ الَّذِي قَبْلَهُمْ.

FASAL 45 (b)

Setiap pihak adalah berkewajipan mengambil bahagian masing-masing tentang satu-satu perdamaian.

(٤٦) وَأَنْ يَهُودَ الْأَوْسِ، مَوَالِيَهُمْ وَأَنْفُسَهُمْ، عَلَى مِثْلِ مَا لِأَهْلِ هَذِهِ الصَّحِيفَةِ، مَعَ الْبِرِّ الْمُحَضِّ مِنْ أَهْلِ هَذِهِ الصَّحِيفَةِ، وَأَنْ الْبِرَّ دُونَ الْإِثْمِ، لَا يَكْسِبُ كَاسِبٌ إِلَّا عَلَى نَفْسِهِ، وَأَنْ اللَّهَ عَلَى أَصْدَقِ مَا فِي هَذِهِ الصَّحِيفَةِ وَأَبْرَهُ.

FASAL 46

Bahawa orang-orang Yahudi Aus sendiri dan begitu juga orang-orang yang bersekutu dengan mereka hendaklah memikul kewajipan sama seperti mana-mana pihak lain yang menganggotai ini demi kebaikan semata-mata (perdamaian) dari anggota-anggota Piagam ini. Dan mereka hendaklah berbuat kebajikan dengan tidak melakukan dosa kerana barangsiapa yang berbuat sesuatu maka dialah yang menanggungnya sendiri. Dan Allah menyaksikan akan kebenaran isi kandungan Piagam ini dan merestuinnya.

(٤٧) وَأَنْهُ لَا يَحُولُ هَذَا الْكِتَابُ دُونَ ظَالِمٍ أَوْ آثِمٍ، وَأَنْهُ مَنْ خَرَجَ آمِنًا، وَمَنْ قَعَدَ آمِنًا، بِالْمَدِينَةِ، إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَأَثِمَ، وَأَنْ اللَّهَ جَارٌ لِمَنْ بَرَّ وَاتَّقَى، وَمُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ.

FASAL 47

Bahawa Piagam ini tidak boleh dipakai bagi melindungi orang-orang zalim dan yang bersalah; dan bahawa – mulai dari saat ini, barangsiapa berpergian dari kota Madinah atau menetap di dalamnya adalah terjamin keselamatannya kecuali orang-orang yang zalim atau yang bersalah. Dan bahawa Allah merestui setiap orang yang membuat kebajikan dan bertakwa dan bahawa Muhammad hendaklah diakui Pesuruh Allah.

PENUTUP

Saya kira para pembaca telah pun berpeluang mengikuti isi kandungan risalah "Parti Pas Dengan Konsep Tahalub Siyasinya" dan juga berkesempatan merenung pertalian fikiran terutama sejak "Kerajaan Campuran PAS-Perikatan 1973". Semoga pimpinan ulamak PAS sekarang akan dapat mempersembahkan lebih baik daripada hasil-hasil zaman era yang lalu.

Sekian.

Wassalam.

ABU BAKAR HAMZAH.

Jumaat 3/7/1992.

10 MAY 1994